



قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"DAN pemberian (riba) yang kamu berikan (dengan maksud) supaya ia bertambah pada harta manusia maka ia tidak bertambah di sisi Allah. Dan pemberian zakat (atau sedekah) yang kamu berikan kerana menghendaki keredaan Allah maka mereka itulah orang yang mendapat pahala berlipat ganda".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Rum, ayat 39.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.46 | SUBUH 4.56 | SYURUK 6.17 | DUHA 6.40 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.44 | MAGHRIB 6.34 | ISYAK 7.46

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 96

11 OGOS 2025 / 1447 صفر 17

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA



دولت كباو دولي تون پاتيک

Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

79

Tahun



Berita Utama



KOMITED memastikan pelajar tidak tercicir daripada sistem pendidikan
Muka 7



AMBIL peluang muhasabah diri, bertaubat di bulan Safar
Muka 12



28 rekrut wadar tamat latihan
Muka 15



PAMERAN E2E serlah portfolio pelajar
Muka 28

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS RESEPSI PRE-PARADE, UPACARA PERBARISAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun.
- Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

ndpGO
2025
MAJULAH SINGAPURA

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Pre-Parade

yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui dan Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mula-mula berangkat menghadiri Majlis Resepsi Pre-Parade yang diadakan di National Gallery Singapore, di mana keberangkatan tiba baginda dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik Singapura dan isteri.

>> Muka 2



MMN berperanan signifikan membincangkan perkara substantif

Oleh :
Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dalam ucapan penangguhan menjelaskan, segala urusan mesyuarat telah pun selesai dan seterusnya menyembahkan

setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kurnia titah baginda semasa Istiadat

Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN pada tahun ini, yang mana titah baginda itu bijaksana, amat teliti dan progresif, khususnya dalam memajukan peranan penting MMN dalam sistem pentadbiran awam negara.

>> Muka 4

Berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Pre-Parade, Upacara Perbarisan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Resepsi Pre-Parade yang dihoskan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lawrence Wong dan isteri, Madam Loo Tze Lui dan Upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun (atas dan atas kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Selesai Majlis Resepsi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan tetamu-tetamu khas kemudian beredar ke padang



bagi menyaksikan upacara Perbarisan Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-60 Tahun, yang menampilkan enam kontingen kawalan kehormatan serta pelbagai segmen persembahan termasuk 'Jump of Unity', iaitu persembahan terjun payung bersama buat julung-julung kalinya oleh pasukan payung terjun Red Lions dan pasukan penyelam Angkatan Laut Republik Singapura.

Upacara turut diserikan dengan pertunjukan terbang lalu bendera

negara, pertunjukan bunga api dan persembahan daripada artis tempatan.

ndpGO
2025
MAJULAH SINGAPURA

Sambutan Hari Kebangsaan Republik Singapura pada tahun ini adalah bertemakan 'Majulah Singapura', yang mencerminkan semangat dan aspirasi Republik Singapura bersempena meraikan enam dekad kemerdekaan serta menyeru rakyatnya untuk menghargai pencapaian bersama; menghadapi cabaran masa depan dengan yakin dan tabah serta mendukung nilai kepercayaan, inklusiviti dan

sokongan bersama demi kemajuan berterusan negara tersebut.

Tetamu-tetamu khas yang turut berangkat dan hadir ialah Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto; Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail ibni Sultan Ibrahim, Pemangku Sultan Johor dan Yang Amat Mulia Che' Puan Mahkota Khaleeda binti Bustamam; dan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi selaku wakil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia.

WAKTU SEMBAHYANG										
OGOS MASIHI	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	ISNIN	17	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	SELASA	18	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46
13	RABU	19	4.47	4.57	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.45
14	KHAMIS	20	4.47	4.57	6.17	6.39	12.26	3.42	6.33	7.45
15	JUMAAT	21	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.45
16	SABTU	22	4.47	4.57	6.16	6.39	12.26	3.41	6.33	7.44
17	AHAD	23	4.47	4.57	6.16	6.39	12.25	3.40	6.33	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
31 25 °C	31 24 °C	30 23 °C	
Pekan Bangar			
31 24 °C	31 24 °C	29 23 °C	
Pekan Tutong			
31 24 °C	31 24 °C	30 23 °C	
Kuala Belait			
31 24 °C	31 24 °C	30 23 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

11 OGOS 2025

MMN wadah perbincangan ke arah kesejahteraan, pembangunan negara

MESYUARAT Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis telah berakhir pada Sabtu, 9 Ogos 2025.

Dalam mesyuarat ini kita telah mendengarkan pelbagai usul, cadangan yang dibincangkan semata-mata untuk kemaslahatan rakyat di negara ini. Apa yang lebih menariknya pelbagai usul memfokuskan pada pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Seperti biasa inilah satu peluang bagi setiap rakyat dan penduduk negara ini untuk mengetahui dan sama-sama mendengarkan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan dan mengekalkan kesejahteraan negara serta rakyat dan penduduk negara ini diperbincangkan dan seterusnya dibahaskan secara terbuka. Dalam perbahasan ini kita dapat mengetahui peranan dan tanggungjawab setiap agensi kerajaan di negara ini melalui isu-isu yang telah dibincangkan. Perkongsian secara terbuka ini dapat menjalinkan hubungan yang erat dan kukuh di antara agensi-agensi kerajaan dengan rakyat dan ketelusan dalam sama-sama menuju dan merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah semasa Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi menegaskan perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi daripada semua pihak. Oleh yang demikian, setiap cadangan dan idea yang dikemukakan di dewan tersebut adalah bernilai untuk diteliti dengan mengambil kira *emerging issues* di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaiannya.

Baginda juga bertitah bahawa negara perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan Perkhidmatan Awam serta industri-industri baharu dengan mengambil kira kepesatan teknologi. Titah baginda ini seharusnya membuka mata serta memberikan motivasi dan menyuntik semangat bagi semua pihak untuk terus berusaha dalam meningkatkan produktiviti negara.

Oleh itu, perbincangan dan perbahasan yang terbuka dalam MMN ini bukan sahaja mengongsi pelbagai isu demi kesejahteraan dan kemakmuran negara bahkan bagi memastikan bahawa usaha-usaha kerajaan dalam memberikan yang terbaik kepada rakyat dan penduduk di negara ini adalah berterusan dan sentiasa akan ditambah baik dari semasa ke semasa demi kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat jua.

Harapan ke arah kemajuan dan pembaikan keberlangsungan sesebuah negara tidak dinafikan lagi disemai di wadah yang mulia ini. Janganlah semua isu atau usulan hanya dibincangkan dan dibahas tanpa adanya susulan pelaksanaan. Kita juga perlu melihat apa yang sudah dicapai atau belum kerana jika belum bermakna kita masih memerlukan tindakan pembaikan.

MMN merupakan satu wadah permuafakatan. Semoga segala perbincangan akan dapat direalisasikan dengan hasrat murni dan ikhlas untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini jua sesuai dengan harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam agar persidangan majlis itu akan terus berunding dengan jujur, berfikir kreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang negara kita. - **Ketua Penyuntingan (Ri)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelita-brunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلّس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP TENGAH HARI



REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 9 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, petang tadi berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang

Terutama Tharman Shanmugaratnam. Majlis berkenaan berlangsung di Istana Villa. Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tharman Shanmugaratnam (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di perkarangan Istana Villa dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Republik Singapura.

Turut hadir pada Majlis Santap Tengah Hari berkenaan

ialah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi; dan Menteri Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing.

DPMM FC menang ke atas BSRC FC



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berkenan berangkat menyaksikan Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18). Turut berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

JERUDONG, Ahad, 10 Ogos. - DPMM FC berjaya menumpaskan BSRC FC dengan keputusan 6 - 3 pada Liga Belia Brunei Musim

2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18) yang berlangsung petang tadi di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.



Berangkat menyaksikan perlawanan berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, iaitu Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman.

Turut menyertai DPMM FC ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim selaku Ketua Pasukan.

Enam gol DPMM FC dijangkan menerusi Muhammad Akmal Rizal Muhammad Abu Bakar pada minit ke-3 dan ke-85, Muhammad Adi Idham Sazali (minit ke-9), Mohamad Azri Danial Haji Mohd. Yusra (minit ke-37), Md. Harith Aqil Azaman (minit ke-46) dan Mohd. Darwishafis Mohd Hamzillah (minit ke-50).

Sementara itu, tiga gol bagi

YANG Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim turut menyertai DPMM FC selaku Ketua Pasukan (atas kanan). Manakala gambar kanan dan kiri, suasana pada perlawanan berkenaan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BSRC FC masing-masing dijangkan menerusi Faris Ar Rayyan Yahya pada minit ke-1 dalam sepakan penalti, Muhammad Asyraf Suhaimi Abdullah Muhammad Khalid (minit ke-10) dan Muhammad Ashraf Saifullilah (minit ke-89).

Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 U18 akan diteruskan lagi pada Ahad depan, 17 Ogos 2025 dengan menyaksikan pertemuan antara Panchor Murai FC menentang DPMM FC bermula jam 8.00 malam di Jerudong Park Mini Stadium.



MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MMN BERPERANAN SIGNIFIKAN MEMBINCANGKAN PERKARA SUBSTANTIF

Oleh : Srinarawie Bidzah

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

>> Muka 1

Yang Berhormat juga merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang ikhlas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas penyertaan, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan pada musim permesyuaratan tahun ini dan juga ucapan setinggi-tinggi terima kasih serta penghargaan yang ditujukan khusus kepada Jurutulis MMN, Pemangku Timbalan dan Penolong Jurutulis, Bentara-bentara Dewan serta semua pegawai dan kakitangan yang telah terlibat, termasuk mereka yang ditugaskan daripada kementerian, jabatan dan agensi-agensi yang berkenaan atas usaha gigih dan komitmen tinggi yang dicurahkan dalam menyediakan pelbagai keperluan yang membolehkan kita menyelesaikan segala urusan mesyuarat dengan lancar dan teratur.

"Alhamdulillah, Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN telah selesai kita laksanakan dengan selamat dan sempurna selama lima hari dan secara keseluruhannya 19 hari pada tahun ini," kata Yang Berhormat pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat lagi, berkat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, ini adalah kali pertama MMN menjalankan Mesyuarat Kedua dan dalam

mesyuarat berkenaan telah berjaya menyelesaikan beberapa perkara utama termasuk empat perbahasan usul, 196 pertanyaan kepada Menteri-menteri dan satu Kenyataan Menteri.

Dengan berkat kerjasama dan sokongan semua jelas Yang Berhormat, mesyuarat berkenaan telah berlangsung dalam suasana yang harmoni, muhibah dan saling hormat-menghormati, selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja.

Mesyuarat Kedua ini kata Yang Berhormat lagi, telah membuktikan bahawa majlis ini berpotensi untuk memainkan peranan yang signifikan dalam membincangkan perkara-perkara substantif demi kepentingan rakyat dan negara.

"Saya begitu tertarik dengan apa yang telah dibincangkan sewaktu sesi MMN ini, nampaknya Ahli-ahli Yang Berhormat berkeupayaan untuk terlibat dalam perbincangan yang lebih substantif.

"Saya nampak bahawa Ahli-ahli Yang Dilantik berusaha untuk memainkan peranan dalam semak imbang termasuk membantu kerajaan melalui cadangan - cadangan bagi perkara-perkara yang mungkin kurang diberi perhatian atau mungkin juga terlepas pandang.

"Ahli-ahli Rasmi Kerana Jawatan juga berusaha untuk memperjelaskan perancangan dan memberikan beberapa perkongsian status termasuk masalah-masalah dan isu-isu yang dihadapi.

"Usaha Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memainkan peranan bersama ini adalah penting dan sememangnya wajar

kita galas untuk memastikan semua pihak bergerak seiring dalam menyokong agenda pembangunan negara termasuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat.

Dalam ucapan penangguhan berkenaan, Yang Berhormat merasakan perbincangan di dalam Dewan yang mulia kali ini adalah lebih *vibrant* kerana kita mungkin berlainan pendapat tetapi untuk menghayati konsep *agree to disagree* ia masih lagi dengan saling menghormati pandangan yang berbeza.

Yang Berhormat juga dapat melihat bahawa walaupun ada perbezaan pandangan dan pendapat, kita masih boleh duduk berbincang secara terbuka dan matang, berteraskan maklumat yang jelas, tersusun dan berasas.

Dalam pada itu, Yang Berhormat ingin menyarankan kepada Ahli-ahli MMN bahawa setiap hujah yang dikemukakan di dewan yang mulia ini, perlu berlandaskan kepada fakta dan data yang sahih dan kredibel, bukannya andaian kerana hanya dengan berhujah berdasarkan fakta, kita dapat memastikan sesi perbahasan dijalankan dengan penuh profesionalisme dan adab sebagai *intellectual exchange*.

Di samping itu, Yang Berhormat juga amat menghargai bahawa pelbagai usaha telah pun dijalankan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mendekatkan diri kepada rakyat.

"Oleh itu, saya ingin menyarankan agar usaha-usaha ini terus diperkasa dan dipertingkatkan, khususnya melalui pelbagai bentuk dialog, perbincangan serta program jangkauan (*outreach*) yang menyeluruh dan berterusan.

"Saya kira inilah antara


pendekatan terbaik untuk mendapatkan pandangan serta maklum balas mengenai isu-isu semasa dan pelaksanaan dasar kerajaan secara langsung daripada rakyat.

"Saya penuh berharap bahawa melalui usaha-usaha sedemikian, Dewan yang mulia ini akan terus membincangkan perkara-perkara yang dekat di hati rakyat. Saya menyeru agar Ahli-ahli MMN untuk sentiasa bersatu sebagai wadah suara nurani rakyat, berganding bahu dan berganding tenaga dengan iltizam yang tinggi untuk memelihara kesatuan dan perpaduan sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam, demi mengekalkan keamanan, kestabilan dan kedamaian negara yang kita cintai bersama," ujar Yang Berhormat.

Sebagai Yang Di-Pertua, Yang Berhormat juga mengambil kesempatan untuk memberikan peringatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat serta semua yang hadir mengenai kenyataan Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang mengingatkan kita bahawa kesihatan adalah kekayaan atau *health is wealth*.

Ini tambah Yang Berhormat adalah benar, kerana kekuatan sebenar dalam kehidupan ini hanya dapat dirasai apabila kita dikurniakan tubuh badan yang sihat. Oleh itu, marilah kita semua membudayakan amalan hidup sihat dengan mengamalkan pemakanan seimbang, melakukan aktiviti fizikal secara konsisten, serta menjaga kesihatan mental demi memperkukuh daya ketahanan diri.

Yang Berhormat turut menekankan, Islam juga menyeru umatnya agar sentiasa menjaga kesihatan tubuh badan serta mengamalkan gaya hidup yang



YANG Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.

sihat dan kehidupan yang sihat merupakan satu amanah yang perlu dipelihara dalam hubungan kita sebagai hamba dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu kata Yang Berhormat, jaga diri baik-baik dan semoga semua sentiasa sihat walafiat selalu.

Akhir sekali, Yang Berhormat memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga Kebawah DYMM serta kerabat diraja akan sentiasa sihat walafiat dan di bawah perlindungan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala jua, dan semoga negara kita serta seluruh rakyatnya akan sentiasa berada di bawah perlindungan-Nya dengan dikurniakan nikmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan. *Amin Ya Rabbal Alamiin.*

"Dengan ucapan ini, maka mengikut Peruntukan 35 dari Peraturan-peraturan Mesyuarat bagi MMN, maka MMN ini kita tangguhkan ke satu masa yang belum ditetapkan tarikhnya.

"InsyaAllah, kita akan berjumpa lagi," ujar Yang Berhormat mengakhiri ucapan penangguhannya.

Kementerian Kesihatan komited mengukuhkan infrastruktur, pembangunan fasiliti



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

dapat menampung keperluan semasa dan masa hadapan, kementerian telah mengenal pasti dan sedang melaksanakan beberapa pelan tindakan bersifat interim.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof dalam pertanyaan jawab lisan mengenai apakah

langkah-langkah strategik dan pelan tindakan dalam jangka interim, sementara menunggu bangunan tambahan baharu Hospital RIPAS yang menghadapi kekurangan katil dalam menempatkan pesakit-pesakit kerana ia adalah penting dalam menangani cabaran kritikal dan memastikan pesakit menerima penjagaan kesihatan yang optimum dengan serta merta di samping menghindarkan kemudaratan memandangkan Hospital RIPAS menghadapi kekurangan katil dalam menempatkan pesakit-pesakit.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan langkah-langkah yang dikenal pasti termasuk pertama, iaitu Pemantapan Proses Discaj Pesakit, iaitu proses discaj pesakit telah dikemas kini untuk memastikan proses aliran pesakit yang lebih cekap dan mengurangkan tekanan ke atas kadar pengisian katil.

Antara cabaran tersebut kata Yang Berhormat ialah pengurusan pesakit yang tidak dapat discaj disebabkan hal-hal bukan perubatan seperti keluarga pesakit belum bersedia untuk

membawa pesakit balik.

Kedua tambah Yang Berhormat, iaitu Pemindahan Long-Stayers, iaitu pesakit yang sudah boleh discaj tetapi masih mendiami katil, dikategorikan sebagai *long-stayers*, akan dipindahkan ke Bangunan National Isolation Centre Extension (NICE) bagi mengosongkan katil untuk kes-kes baharu.

Pusat ini kata Yang Berhormat, sedang diubah suai untuk menampung dan menepati keperluan *long-stayers*. Dalam beberapa kes, pesakit dianggap sebagai terabai atau ditinggalkan, dan memerlukan campur tangan sosial serta penyelarasan dengan agensi-agensi kebajikan.

Di samping itu jelas Yang Berhormat lagi, sebagai langkah jangka pendek sementara menunggu siapnya bangunan tambahan Hospital RIPAS di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12), Kementerian Kesihatan telah melaksanakan strategi *decanting* pesakit *long-stayers*.

"Tujuan utama langkah ini ialah untuk mengosongkan katil dan menambah kapasiti katil,

khususnya bagi pesakit *acute* yang memerlukan rawatan segera dan intensif.

"Pesakit-pesakit tersebut akan dipindahkan secara berperingkat ke fasiliti kesihatan lain yang bersesuaian, seperti Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, tanpa menjejaskan perkhidmatan hospital tersebut," ujar Yang Berhormat pada hari kelima Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat juga mengongsikan langkah ketiga, iaitu Mengemas Kini Pelan Induk Sistem, Infrastruktur Kesihatan NBD. Berdasarkan pelan yang terdahulu, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan kajian semula terhadap pelan tersebut agar ia lebih responsif dan relevan dengan keperluan semasa.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Kementerian Kesihatan sangat peka terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi.

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) berperanan sebagai hospital rujukan utama negara, di peringkat *tertiary* bagi seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD) semenjak 1984 lagi.

Bagi terus memastikan hospital

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMASTIKAN SPGU LEBIH BERDAYA TAHAN, KEKAL BERKESAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

sebagai kesinambungan kepada skim perkhidmatan yang ada sekarang.

Pembarigaan mengenai skim ini telah dilaksanakan kepada semua guru termasuk pemimpin-pemimpin sekolah dan ia dibarigakan sejak tahun 2017 secara berterusan, bukan bermusim, tetapi secara berterusan terutama termasuk bagi guru-guru baharu khususnya semasa sesi induksi tenaga pengajar.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa mengulas soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin mengenai memperbaiki dasar penilaian dan laluan kerjaya warga pendidikan.

Pada hari terakhir Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menjelaskan, satu inisiatif tambahan telah dilaksanakan dengan penyediaan Kod QR, di mana memberikan

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

akses mudah kepada tenaga pengajar untuk mendapatkan penjelasan yang terperinci berhubung perkembangan proses sokongan (SPGU) itu.

KHEU pada masa ini tambahnya, sedang dalam proses seterusnya menilai garis panduan (SPGU) ini bagi memastikan skim ini lebih berdaya tahan dan kekal berkesan dengan keperluan semasa dan yang penting sekali untuk masa hadapan seterusnya.

Terdahulu itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menyatakan, KHEU menghargai inisiatif sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah melaksanakan kaji selidik warga

pendidik pada tahun 2024 yang lalu di mana hasilnya telah dikongsikan kepada KHEU dan juga difahami kepada Kementerian Pendidikan.

Hasil daripada laporan kajian tersebut menurutnya, diambil maklum bahawa seramai 52 peratus daripada kalangan guru berpendapat bahawa proses penilaian dan kenaikan pangkat tidak jelas, dan atau tidak telus.

Dalam pada itu, pihak KHEU juga mengambil maklum bahawa kaji selidik tersebut telah melibatkan seramai 427 guru yang mana hanya 29 peratus daripadanya merupakan guru-guru daripada KHEU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Laluan kerjaya yang diperuntukkan khusus bagi tenaga-tenaga pengajar di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) adalah melalui Skim Perkhidmatan Guru Ugama (SPGU) yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2017

Dukung usaha kenal pasti, menjaga tapak bersejarah



Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Kementerian Pembangunan mendukung usaha sama dengan pihak-pihak

berkepentingan dalam mengenal pasti lokasi yang mempunyai nilai sejarah atau warisan, mencadangkan kawalan guna tanah dan bangunan bagi tujuan pemeliharaan, serta memberikan cadangan pemuliharaan atau guna semula atau *adaptive reuse* bagi bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah atau warisan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed,

Ketua Kampung Putat mengenai langkah kementerian dalam memastikan rumah atau kawasan penempatan lama yang bernilai sejarah tidak terpinggir dalam perancangan pembangunan bandar, termasuk dari segi penyelenggaraan asas dan pemetaan semula.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Pembangunan menjelaskan, mana-mana bangunan atau binaan yang dikenal pasti mempunyai nilai sejarah ada didaftarkan sebagai Monumen Purba dan Tapak Bersejarah di bawah Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967 dengan edisi semakan 1984, 1990, 2002, adalah dalam kawalan Jabatan

Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Setelah permakluman Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan membuat penyelarasan bersama Jabatan Muzium-muzium mana-mana senarai yang diperlukan untuk diterapkan dalam pelan-pelan pembangunan peringkat bandar dan daerah, bagi kawasan atau bangunan yang dipelihara kepentingan sejarah atau warisan yang mempunyai kepentingan nilai sejarah atau warisan," tambah Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Kementerian Kesihatan komited mengukuhkan infrastruktur, pembangunan fasiliti

>> Muka 4

Ini jelas Yang Berhormat termasuk penambahbaikan kemudahan sedia ada dan pelaksanaan langkah-langkah interim bagi meningkatkan kecekapan penggunaan fasiliti kesihatan khususnya di Hospital RIPAS.

Antara inisiatif dari Kementerian Kesihatan kata Yang Berhormat termasuk pengukuhan infrastruktur dan pembangunan fasiliti, yang termasuk pembinaan blok hospital baharu dengan kapasiti 500 katil yang melibatkan peruntukan sebanyak BND120 juta di bawah RKN12.

"Sebagai langkah strategik agar penggunaan ruang Hospital RIPAS di tahap optimum, kementerian juga sedang merancang bagi pemindahan perkhidmatan Oftalmologi ke lokasi lain yang lebih sesuai.

"Ini bertujuan untuk mengurangkan kesesakan dan membolehkan ruang sedia ada bagi perkhidmatan yang lebih kritikal khususnya bagi kes-kes *acute*," ujar Yang Berhormat lagi.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



Penggubalan dasar, perancangan strategi dilaksanakan ikut keutamaan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Usul dan cadangan yang telah diajukan dan disumbangkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis Mesyuarat Negara (MMN) adalah amat dihargai dan disambut baik dan akan diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci dalam sebarang penggubalan dasar dan perancangan strategi yang akan dilaksanakan mengikut keperluan dan keutamaan.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata demikian dalam perbahasan usul penangguhan pada hari terakhir Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Semasa sesi permesyuaratan ini, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mendapati ada isu yang diutarakan telah ditimbulkan dua ke tiga tahun berturut-turut secara kebelakangan.

Apa yang penting menurut Yang Berhormat, pihak kementerian dengan tulus ikhlas mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik yang berkenaan untuk bermuzakarah bagi membincangkan sebarang spesifik cadangan yang menjurus kepada bidang - bidang perusahaan yang berkaitan dengan sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan pelancongan di negara ini, bagi kemajuan sektor-sektor ini dan bagi memastikan sektor-sektor ini mampu menyumbang secara signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara dan juga menjana pekerjaan untuk anak-anak tempatan, khususnya kepada pertumbuhan sektor makanan dan pelancongan, selaras dengan usaha ke arah mempelbagaikan sumber ekonomi negara agar kita tidak hanya bergantung kepada hasil

dari sektor minyak dan gas semata-mata.

Terdahulu itu, Yang Berhormat ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua atas kepimpinan dan kewibawaan dalam mempengerusikan Persidangan MMN dengan penuh kebijaksanaan, kecekapan dan dedikasi sehingga membolehkan persidangan ini berjalan dengan jayanya dalam suasana yang penuh harmoni, kondusif dan produktif.

Yang Berhormat seterusnya mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Yang Mulia Datin Jurutulis atas kecekapan mengatur agenda perbincangan dan perjalanan persidangan dengan tersusun dan lancar, dan juga kepada seluruh pegawai dan kakitangan Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara yang terlibat dalam sama-sama menayakan permesyuaratan pada tahun ini.

Seterusnya, Yang Berhormat turut merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada rakan-rakan sejawatan dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik, kerana telah memainkan peranan dan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan cemerlang dan komited,

menyuarakan isu-isu strategik dan mengusulkan cadangan serta pandangan-pandangan yang bernas dari peringkat akar umbi demi kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sambil mengekalkan semangat muhibah, saling hormat-menghormati dan bermuzakarah dengan harmoni, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menyempurnakan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang lalu.

"Dengan itu, kaola menyokong penuh terhadap usul penangguhan yang telah dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan menghargai usaha berterusan Kementerian yang terlibat dalam melaksanakan pelan strategik negara ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

"Sebelum mengakhiri, kaola juga ingin mengambil kesempatan

ini untuk memohon maaf sekiranya ada tersuruk langkah mahupun kata-kata yang kurang manis sepanjang masa kita telah bersidang ini," ujarnya lagi.

Yang Berhormat dalam ucapan penangguhan berdoa semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja akan sentiasa berada dalam kandungan sihat walafiat dan dalam kebahagiaan jua.

Tambahnya, marilah kita sama-sama berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga negara kita dan seluruh rakyat akan sentiasa berada dalam perlindungan-Nya jua dan dikurniakan dengan nikmat kemajuan, pembangunan, kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Kaola juga berdoa mudah-mudahan Yang Berhormat Pehin Yang Di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan mendapat rahmat dan inayah, dikurniakan umur yang panjang dan dengan izin-Nya jua," ujarnya lagi.

CDP MEMPERKASA KAPASITI KONTRAKTOR TEMPATAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Selaras dengan matlamat strategik 3 di dalam Pelan Strategik Kementerian Pembangunan 2024-2029 dan Local Business Development (LBD) circular bernombor 01/2019, satu inisiatif, iaitu Contractor Development Program (CDP) telah dilaksanakan bagi mendukung salah satu dari tiga elemen LBD, iaitu mendukung penyertaan pemilik syarikat tempatan.

Program ini menyediakan kursus dan taklimat yang berkaitan dengan industri pembinaan bertujuan memperkasa kapasiti peniaga tempatan sebagai salah satu

YANG Berhormat Menteri Pembangunan.

usaha strategik bagi memperkasa dan meningkatkan kapasiti kontraktor tempatan, khususnya syarikat milik 100 peratus anak tempatan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid menyatakan perkara tersebut semasa pertanyaan jawab lisan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai perkembangan terkini mengenai pembentukan dasar LBD bagi melahirkan usahawan berjaya dan berdaya saing pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, program ini disusun dalam dua sesi dan melibatkan 30 peserta setiap sesi. Para peserta telah

mengikuti latihan yang dikendalikan oleh konsultan latihan tempatan yang dilantik yang memberikan kursus dan taklimat yang merangkumi modul teknikal, pengurusan dan keusahawanan oleh dua pakar pengurusan projek dari luar negara.

"Sesi pertama telah diadakan dari 2 hingga 12 Jun 2025 dan sesi kedua, iaitu taklimat pada 1 dan 2 Julai 2025 yang disampaikan oleh agensi-agensi tempatan seperti Jabatan Buruh, Biro Mencegah Rasuah, Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (ROCBN), Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI) dan juga Tabung Amanah Pekerja (TAP).

"Kandungan modul kursus yang dilaksanakan oleh dua pakar pengurusan projek dari luar negara ini meliputi tiga komponen utama, iaitu 1. Penguasaan terhadap pelan dan keupayaan membuat anggaran kos pembinaan secara tepat dan berstruktur; 2. Penerapan asas keusahawanan serta amalan pengurusan kewangan yang sistematik; dan 3. Kemahiran dalam pengurusan projek termasuk kefahaman terhadap

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

terma dan syarat kontrak pembinaan," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, berdasarkan penilaian prestasi sebelum dan selepas latihan, peningkatan kecekapan peserta dalam modul-modul utama cukup memberangsangkan, sekali gus menunjukkan keberkesanan program ini sebagai platform pembangunan kapasiti.

Antara peningkatan yang direkodkan tambah Yang Berhormat termasuk Modul Pemahaman Pelan dan Anggaran Kerja : meningkat daripada 52 peratus kepada 68 peratus; Modul Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan : meningkat daripada 40 peratus kepada 84 peratus; dan Modul Pengurusan Projek dan Pemahaman Kontrak : meningkat daripada 59 peratus kepada 74 peratus.

Di samping itu jelas Yang Berhormat lagi, sebanyak 84 peratus peserta memberikan maklum balas positif, menyatakan bahawa program ini telah berjaya meningkatkan tahap kefahaman teknikal, lebih keyakinan dalam

pengurusan projek serta kesediaan mereka untuk menyertai dan bersaing dalam tender tawaran pembinaan kerajaan.

Sesi kedua bagi CDP ini tambah Yang Berhormat akan diteruskan bulan September ini di mana akan melibatkan latihan teknikal seperti memahami penyediaan dokumen tawaran dan tanggungjawab sebagai penyelaras keselamatan dalam meningkatkan kepatuhan keperluan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

"InsyaaAllah, kementerian juga akan menilai penambahbaikan terhadap inisiatif ini dari semasa ke semasa dan meluaskan skop latihan serta penyertaan.

"Keseluruhan inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuhkan kapasiti dan daya saing kontraktor tempatan dalam mempersiapkan mereka menyahut keperluan industri yang semakin kompleks dan berdaya saing, serta memastikan pelaksanaan dasar LBD kekal relevan dan konsisten dengan keperluan industri masa kini," ujar Yang Berhormat.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KOMITED MEMASTIKAN PELAJAR TIDAK TERCICIR DARIPADA SISTEM PENDIDIKAN



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

"Ke arah menangani isu ketidakpadanan program, pengangguran graduan dan penyejajaran industri, Kementerian Pendidikan memperjuangkan pendekatan senegara serta komprehensif, yang menekankan pendidikan berkualiti, pembangunan kemahiran dan kerjasama erat dengan pelbagai pihak berkepentingan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, usaha-usaha ini dipandu oleh ketiga-tiga *blueprint* dan Pelan Strategik kementerian, yang bertujuan untuk mentransformasikan Negara Brunei Darussalam menjadi ekonomi yang dinamik dan mampan dengan tenaga kerja siap siaga masa depan.

Pelbagai usaha memperkukuh kebolehpasaran graduan TVET jelas Yang Berhormat, Politeknik Brunei (PB) dan Institut

Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) telah melaksanakan skim khas untuk melibatkan tenaga pengajar dari industri.

Di PB terangnya, seramai 35 pengajar industri telah dilantik di bawah Skim Locum Tenens bagi tempoh Januari hingga Disember 2025.

Manakala di IBTE tambah Yang Berhormat, seramai 21 tenaga pengajar dari industri telah dilantik melalui skim Adjunct Lecturer merentasi pelbagai bidang teknikal dan profesional.

Yang Berhormat menjelaskan, pendekatan ini bukan sahaja memberi pendedahan dunia sebenar kepada pelajar, malah membantu memudahkan penyesuaian mereka ke alam pekerjaan melalui pengalaman praktikal yang diperoleh semasa pengajian.

Menyentuh mengenai jurang kelayakan guru, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah sistematik untuk menyelaraskan kualiti pendidikan awal melalui penetapan garis panduan formal, program latihan profesional, piawaian kurikulum, serta pemantauan dan pengawalan institusi pendidikan swasta.

"Bagi mengurangkan jurang dalam kelayakan minima tenaga pengajar di institusi pendidikan awam dan swasta, inisiatif yang diungkapkan oleh Kementerian Pendidikan seperti Program

Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) serta piawaian Brunei Teachers Standard-Teacher Performance Appraisal (BTS-TPA) bagi menanda aras kualiti pengajaran dan pembelajaran, turut dilartkan kepada guru-guru dan pemimpin sekolah di institusi pendidikan swasta dan di institusi pendidikan di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama," ujar Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat merakamkan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua dalam mengepalai permuzakarahan, memberikan pandangan dan saranan yang bernas serta luas mengenai perkara-perkara strategik merentasi semua bidang-bidang berkepentingan negara.

Setinggi penghargaan juga Yang Berhormat ucapkan kepada Yang Mulia Jurutulis dan Yang Mulia Timbalan Jurutulis serta pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam memastikan keberkesanan tadbir urus dan kelancaran di sepanjang permesyuaratan pada tahun ini serta menghargai sepenuhnya keprihatinan yang mendalam rakan-rakan sejawatan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Dilantik, menerusi saranan dan pandangan terhadap isu-isu yang sangat bermakna kepada kerajaan khususnya berkaitan sektor pendidikan.

Yang Berhormat menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas titah baginda bagi Persidangan MMN ini untuk diadakan dua kali setahun mulai tahun ini.

Natijahnya tambah Yang Berhormat, titah baginda itu membolehkan dewan yang mulia ini antara lain membincangkan usaha senegara dalam mencapai Wawasan Brunei 2035 yang sudah setentunya kejayaannya bergantung kepada penglibatan menyeluruh, usaha gigih dan kerjasama berterusan daripada semua pihak dan lapisan masyarakat untuk bertindak dan bersatu.

Di kesempatan ini, Yang Berhormat juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri serta Ahli-ahli Yang Berhormat atas pembentangan dan perbincangan yang bernas terhadap empat usul penting dalam Mesyuarat Kedua MMN Ke-21 ini.

"Kementerian Pendidikan menyambut baik dan menyatakan sokongan penuh terhadap keempat-empat usul ini. Usul-usul tersebut mencerminkan aspirasi kolektif ke arah kemajuan negara yang berpaksikan nilai, daya saing dan kesejahteraan rakyat," ujar Yang Berhormat.

Mengembangkan ekosistem perlindungan kanak-kanak



Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengenai langkah pihak kementerian untuk mempercepatkan proses semakan dan pindaan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Penggai 219) serta undang-undang berkaitan untuk menutup jurang perundangan terhadap bentuk penderaan moden termasuk eksploitasi digital dan penderaan psikologi.

Pada hari terakhir Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan mengenai beberapa platform dan langkah yang telah dan sedang diambil oleh KKBS dalam menangani kes-kes sedemikian.

Pertama, menurutnya, pengukuhan Rangka Kerja Kebangsaan Perlindungan Kanak-kanak atau National Framework in Child Protection (NFCP) sebagai panduan kebangsaan untuk

mengembangkan ekosistem perlindungan kanak-kanak termasuk memperkukuh kerjasama antara agensi-agensi utama.

Tambahnya, antara agensi-agensi dari berbagai sektor yang terlibat termasuk bagi sektor sosial iaitu pekerja sosial JAPEM, penghulu mukim, ketua kampung, NGO dan juga orang-orang awam; bagi sektor pendidikan iaitu pengetua, guru-guru, kaunselor, penjaga pusat penjagaan kanak-kanak dan di bawah Jabatan Sekolah-sekolah, Jabatan Pendidikan Swasta, Jabatan Pengajian Islam, sekolah-sekolah Tahfiz dan Arab; bagi sektor penguatkuasaan iaitu Pasukan Polis Diraja Brunei, Biro Kawalan Narkotik dan Penguatkuasaan Ugama; dan bagi sektor kesihatan iaitu pegawai perubatan profesional, pekerja perubatan sosial, hospital-hospital kerajaan dan swasta.

Agensi-agensi ini jelasnya, memainkan peranan penting dalam perlindungan kanak-kanak, termasuk perlindungan daripada eksploitasi digital dan penderaan psikologi, serta bertindak sebagai barisan hadapan dari segi

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

pengesanan awal, pendekatan dan pelaporan.

Menurut Yang Berhormat, ia turut diperkukuhkan melalui beberapa mekanisme di bawah NFCP termasuk Sectoral Assessment Protocol (SAP), iaitu mekanisme untuk mengenal pasti kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan bagi memudahkan dalam menjalankan intervensi awal terhadap aduan-aduan yang diterima; dan Child Protection Reporting Protocol (CPRP), iaitu tatacara bagi setiap sektor mengenal pasti tindakan selanjutnya. Kedua-dua SAP dan CPRP mempunyai 4 versi bagi keempat-empat agensi utama.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan, Rangka Kerja Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian (Child Online Protection Framework) telah diperkenalkan pada tahun 2013, berasaskan Inisiatif Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Talian oleh International Telecommunications Union (ITU).

Rangka kerja ini tambahanya, penting bagi menyelaras tindakan

agensi-agensi berkepentingan dalam melindungi keselamatan kanak-kanak di alam maya, khususnya ketika penggunaan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dan remaja semakin meluas dan terdedah kepada risiko buli siber, gangguan serta pemangsa seksual.

Pada masa ini ujananya, rangka kerja tersebut sedang melalui proses perbincangan bagi tujuan semakan dan penambahbaikan agar selaras dengan keperluan semasa.

Mengenai saranan semakan dan pindaan akta bagi menutup jurang perundangan terhadap kes-kes eksploitasi digital dan penderaan psikologi, Yang Berhormat menjelaskan, beberapa perundangan sedia ada bagi menangani kes-kes ini, ialah seperti pertama, Seksyen 509 Penal Code - Outraging modesty of a woman bagi kes yang melibatkan seorang wanita/remaja perempuan; dan kedua, Seksyen 506 Penal Code boleh digunakan bagi kes yang melibatkan kanak-kanak secara umum seperti kes ugutan dalam talian.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengambil baik cadangan dan mengambil maklum keperluan untuk mempercepatkan proses semakan dan pindaan akta-akta mengikut keperluan semasa yang menangani keperluan perlindungan kanak-kanak daripada sebarang eksploitasi.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad menyatakan perkara tersebut semasa menjawab pertanyaan Ahli

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPROMOSI PAKEJ AGRIPELANCONGAN KEPADA PELANCONG, PIHAK BERKEPENTINGAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Jabatan Kemajuan Pelancongan dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah mengenal pasti beberapa tapak di bawah kawalan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk dibangunkan sebagai destinasi aktiviti agripelancongan.



Bagi memastikan kejayaan inisiatif ini, langkah awal adalah untuk menyediakan para pengusaha ladang agar produk mereka bersedia bagi tujuan agripelancongan.

Sehubungan itu, beberapa latihan pembangunan kapasiti telah diberikan termasuk penambahbaikan produk dan mempromosi pakej agripelancongan kepada pelancong serta pihak berkepentingan.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin berkata demikian dalam pertanyaan jawab lisan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengenai langkah - langkah memperkenalkan pendapatan agripelancongan di negara ini pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, bayaran yang telah diterima daripada aktiviti pelancongan ini akan menjadi sumber pendapatan sampingan kepada pengusaha ladang. Walau bagaimanapun, waktu operasi aktiviti pelancongan akan dikawal selia supaya tidak menjejaskan rutin harian dan operasi utama ladang dan kekal berfokus kepada pengeluaran hasil pertanian.

Antara perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan di beberapa ladang yang telah dikenal pasti di negara ini bagi aktiviti agripelancongan tambah Yang Berhormat adalah program melawat ladang (*farm tour*) aktiviti memetik buah-buahan dan sayur sayuran (*fruit and vegetables picking*) serta aktiviti

lain yang memberikan pengalaman kehidupan di ladang.

"Ladang-ladang yang masa kini aktif dalam agripelancongan termasuklah Mori Farm di Sinaut, IAM Food di Tungku, Labulicious di Lamunin, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Katimahar di Daerah Brunei dan Muara, Ecoponies di Daerah Tutong dan Ladang Kopi Tropikal Utama di Labi.

"Dari segi promosi, laman sesawang dan media sosial rasmi memaparkan pelancongan tapak-tapak agripelancongan ini dengan kandungan visual dan testimoni pelawat-pelawat.

"Beberapa lawatan pengenalan, *farm trip* bersama agensi pelancongan *influencer* ataupun pempengaruh dan media telah dijalankan," ujar Yang Berhormat.

Di samping itu kata Yang Berhormat lagi, pakej pelancongan yang melibatkan lawatan ladang telah dirangka bersama agensi pelancongan tempatan dengan kerjasama hotel, penyedia pengangkutan dan institut pendidikan bagi



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

menyokong program lawatan sambil belajar.

Walaupun bagaimanapun jelas Yang Berhormat, walaupun agripelancongan ini digalakkan tapi peningkatan pengeluaran hasil ladang pertanian masih lagi menjadi keutamaan bagi Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

MMN platform perbincangan dasar suara rakyat, ruang semak imbang

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck dalam pembentangan usul penangguhan menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keprihatinan baginda dalam memperkukuhkan MMN.

Menurut Yang Berhormat, titah baginda semasa Istiadat Pembukaan Rasmi yang lalu menandakan keyakinan baginda terhadap kemampuan MMN sebagai platform perbincangan dasar suara rakyat dan ruang semak imbang.

Sebagai Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat merasakan pengalaman kali ini dari mesyuarat pertama hingga mesyuarat kedua benar-benar mencabar dan memperkasa bukan setakat menyumbangkan pandangan dalam bidang kepakaran tetapi juga memperluas pemahaman terhadap keseluruhan jentera dasar dan tadbir urus negara.

"Dalam kapasiti kaola sebagai seorang terlibat secara langsung dalam sektor makanan dan pertanian, kaola ingin sekali lagi menarik perhatian kepada kepentingan sekuriti makanan yang juga telah dibincangkan dalam persidangan ini," ujar Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi

Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat, isu ini bukan sahaja berkait dengan ekonomi tetapi menyentuh kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara secara menyeluruh.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai pertumbuhan sektor kemajuan bukan minyak dan gas tambah Yang Berhormat, adalah suatu galakan yang perlu diterjemahkan kepada tindakan konkrit termasuk dalam memperkasa sektor makanan negara.

"Kaola percaya bahawa untuk memastikan kejayaan dalam bidang ini, kita memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan semua *stakeholders* daripada kementerian, pengusaha, institut kewangan, penyelidik hingga kepada pengguna.

"Kita perlu merancang bukan sahaja untuk pengeluaran tetapi juga soal pemprosesan pemasaran eksport dan membangunkan tenaga kerja dalam bidang ini," ujar Yang Berhormat.

Oleh demikian tambah Yang Berhormat, sokongan kepada pengusaha tempatan khususnya *agropreneurs* dan pengusaha perusahaan makanan perlu ditingkatkan lagi dengan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berdaya saing.

Dalam konteks keusahawanan

pula, Yang Berhormat berharap agar persekitaran perniagaan domestik terus diperkukuh termasuk penyerahan prosedur penyelarasan peraturan dan wujudnya ruangan perniagaan yang lebih inklusif terutama dalam peniaga kecil dan sederhana.

Menurut Yang Berhormat lagi, kita perlu memberi perhatian kepada Ease of Doing Business yang benar-benar memberi kesan kepada usahawan bukan hanya dalam bentuk dasar. Sepanjang persidangan ini juga, pelbagai pandangan dan cadangan telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pelbagai latar belakang yang memperlihatkan betapa pentingnya kepelbagaian suara dan mencerminkan realiti rakyat.

Sebagai seorang Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat mengambil maklum bahawa amanah ini bukan sekadar untuk membawa kepakaran dalam satu bidang tetapi juga menyumbang secara menyeluruh kepada kesejahteraan dan masa depan negara.

Yang Berhormat turut merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Yang Di-Pertua atas kepimpinan yang bijaksana dalam mempengerusikan persidangan

ini dengan penuh tertib dan profesional serta kepada Jurutulis, semua kementerian dan pihak urus setia yang telah memberikan kerjasama terbaik dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan persidangan.

"Menjunjung kasih sekali lagi Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas segala titah dan kepimpinan baginda yang menjadikan panduan bukan sahaja dalam persidangan ini tetapi juga dalam memacu hala tuju negara ke arah negara yang lebih berdaya tahan dan makmur.

"Semoga baginda dan seluruh kerabat diraja sentiasa dikurniakan kesihatan dan kekal karar memerintah atas singgahsana," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PASTIKAN DASAR, INISIATIF SELARI DENGAN MATLAMAT WAWASAN BRUNEI 2035

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' ketika membahaskan usul penangguhan menjelaskan, dalam Sesi Pertama Permesyuaratan Ke-21, tumpuan utama telah diberikan kepada pembentangan bajet negara, yang merupakan dokumen dasar fiskal paling penting dalam perancangan pembangunan negara.

Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali menekankan keperluan supaya setiap perbelanjaan yang diperuntukkan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan berhemah, selaras dengan prinsip ketelusan, kecekapan dan keberkesanan.

Dalam suasana ekonomi global yang mencabar dan keperluan pengurusan kewangan awam yang berhemat, Yang Berhormat

menegaskan bahawa kita tidak boleh mengambil ringan terhadap pengagihan sumber.

"Oleh itu, kaola menyokong sepenuhnya gesaan agar pihak-pihak berkaitan memastikan pelaksanaan bajet bukan sahaja memenuhi keperluan rakyat, malah memberikan pulangan ekonomi dan sosial yang mampan kepada negara," tambah Yang Berhormat pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan bahawa cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli mengenai pelbagai aspek dasar dan perkhidmatan awam juga wajar diberikan perhatian serius oleh pihak eksekutif. Kita berharap ia tidak sekadar menjadi rekod mesyuarat, tetapi benar-benar dilaksanakan demi

manfaat bersama.

Dalam usul perbahasan juga, Yang Berhormat menyentuh pembentangan satu usul penting yang melibatkan penyertaan dan keahlian Ahli MMN dalam Badan Antara-Parlimen, iaitu Inter-Parliamentary Union (IPU) dan Commonwealth Parliamentary Association (CPA). Usul ini jelas Yang Berhormat, mencerminkan hasrat negara untuk lebih terlibat secara aktif dalam diplomasi antara-parlimen, sekali gus memperkukuhkan peranan MMN di peringkat antarabangsa.

Dengan penglibatan dalam platform - platform ini, Yang Berhormat seterusnya menambah, Ahli-ahli MMN akan dapat memperluas rangkaian dan kerjasama dengan institusi perundangan negara lain; memperoleh pengetahuan amalan terbaik (*best practices*) dalam penggubalan dasar dan meningkatkan keupayaan dalam mendepani isu global yang juga memberi kesan kepada negara.

"Penyertaan ini secara tidak langsung akan meningkatkan

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B'.



keupayaan institusi perundangan negara kita dan menyumbang kepada pembangunan dasar yang lebih menyeluruh dan berpandangan jauh," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya membahaskan mengenai usul berkaitan Wawasan Brunei 2035, yang menjadi aspirasi utama negara untuk membina sebuah negara yang Berpendidikan Tinggi dan Berkemahiran; Ekonomi Yang Dinamik dan Berpendapatan Tinggi, dan; Berkualiti Hidup Tinggi.

Sebagai sebuah dokumen dasar yang menjadi panduan hala tuju pembangunan negara, tambah Yang Berhormat, Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama menyeluruh antara semua institusi dalam memastikan dasar dan inisiatif yang dilaksanakan benar-benar selari dengan

matlamat tersebut.

"Kaola percaya bahawa dengan pengurusan bajet yang berhemah, penglibatan antarabangsa yang strategik, dan tumpuan kepada pembangunan jangka panjang melalui Wawasan Brunei 2035, negara kita akan terus maju secara mampan dan inklusif. Apa yang penting untuk memastikan bahawa segala dasar, strategi, dan pelaksanaan yang dirancang tidak hanya bersifat jangka pendek, tetapi dapat bertahan lama, relevan, dan memberi impak positif secara berterusan," jelas Yang Berhormat.

Gandakan usaha libatkan masyarakat dalam 1K1P

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Selaku pemimpin di peringkat akar umbi, khususnya dalam konteks Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK), MPMK merupakan platform rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk memperkasakan penyertaan rakyat dalam pembangunan negara di peringkat mukim dan kampung.

Dalam kerangka ini, penghulu

dan ketua kampung bukan sahaja bertanggungjawab mendengar rintihan dan masalah penduduk, malah memainkan peranan sebagai pemudah cara (*fasilitator*) dalam merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan dan kesejahteraan komuniti. Namun ia perlu sokongan dan dukungan yang berterusan dari agensi-agensi berkaitan.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas, semasa membahaskan usul penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, di sini.

MPMK, tambah Yang Berhormat, akan terus mempergiatkan usaha menggalakkan penglibatan penduduk dalam inisiatif seperti Projek Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

"Projek ini bertujuan meningkatkan pendapatan penduduk mukim dan kampung melalui penghasilan produk tempatan yang berkualiti. Seperti yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, MPMK bukan sahaja digalakkan menghasilkan produk seperti makanan kering dan kraf tangan, tetapi juga meneroka bidang peruncitan, perkhidmatan dan lain-lain perniagaan. Langkah ini penting bagi mengelak monopoli warga asing di kampung-kampung," ujar Yang Berhormat.

Dengan kepimpinan yang cekap dan berwawasan, jelas Yang Berhormat, penghulu dan ketua kampung mampu



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas.

memastikan MPMK bukan sekadar forum perbincangan tetapi menjadi platform yang benar-benar berkesan dalam menjana pertumbuhan ekonomi mukim dan kampung, memperkukuh jati diri masyarakat serta memastikan kebajikan semua lapisan penduduk terus terpelihara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.



SUASANA Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMANTAPKAN EKOSISTEM EKONOMI TEMPATAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin menjelaskan, walaupun enam aspirasi utama ke arah ekonomi mampan telah digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Negara, pelaksanaannya masih belum benar-benar menyentuh akar masyarakat.

Menurut Yang Berhormat, realiti semasa menuntut dasar yang lebih berpaksikan komuniti, bermula dengan mendengar suara rakyat, tanpa menangani isu asas kehidupan, transformasi sukar dicapai dan golongan paling terkesan wajar menjadi pemula perubahan.

"Maka, penubuhan pasukan tindakan rentas agensi amat penting bagi memastikan dasar sampai ke komuniti terbawah. Tanpa asas kukuh di akar umbi, pelan dari atas hanya menjadi *structure* rapuh," ujar Yang Berhormat semasa menyampaikan ucapan usul penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Jika jurang ini dibiarkan tambah Yang Berhormat, aspirasi ketiga Wawasan Brunei 2035 terancam dan luar bandar terus ketinggalan.

Untuk memperkukuh akar ekonomi rakyat, besar harapan Yang Berhormat bagi mencadangkan pelaksanaan pendekatan *decentralisation of ecosystem*, ekosistem keusahawanan menerusi penubuhan Pusat Satelit Ekonomi di setiap daerah.

"Pusat ini akan berperanan sebagai pusat sehati yang menyediakan perkhidmatan seperti pendaftaran perniagaan, latihan keusahawanan, bimbingan digital, pensijilan halal serta kemudahan akses, kemudahan akses kepada pembiayaan.

"Pendekatan ini sejajar dengan konsep 'District Economic Specialisation' yang membolehkan daerah membentuk kluster ekonomi tersendiri berasaskan potensi tempatan," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi, inisiatif ini dijangka memberi impak kepada tiga kumpulan utama, yang pertama, usahawan belia yang kini boleh mengakses peluang tanpa bergantung sepenuhnya kepada kemudahan di ibu negara.

Yang kedua jelas Yang Berhormat, perniagaan keluarga dan industri kecil termasuk *cottage industry* yang akan dibantu dari segi pengukuhan kapasiti dan daya saing eksport; dan ketiga, komuniti setempat melalui pembentukan koperasi moden bagi mengurus aktiviti ekonomi bersama termasuk pengendalian kedai runcit dan produk 1 Kampung 1 Produk secara lebih tersusun dan bersepadu.

Dalam rangka kerja ini jelas Yang Berhormat lagi, kerjasama erat dengan pihak berkepentingan amat penting untuk memperkukuh ekosistem ekonomi tempatan dan sudah tiba masanya kita memperkasa pemilikan ekonomi rakyat dengan mengambil semula operasi perniagaan yang dikuasai warga asing tanpa memberikan peluang jelas kepada ekonomi tempatan.

"Ini memerlukan strategi baharu yang lebih berdaya saing dan tersusun. Bukan sahaja bagi menjamin kelangsungan ekonomi negara, tetapi juga memastikan keberkesanan serta pemilikan ekonomi benar-benar berada di tangan rakyat.

"Segala usaha yang digariskan kepada pengukuhan institusi pelaburan, strategik sehingga kepada *decentralisation* ekonomi hanya akan bermakna jika berpaksikan kepada rakyat".

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin (kanan). Manakala gambar bawah, sebahagian yang hadir pada mesyuarat berkenaan.



bertanggungjawab bersama dengan niat yang satu, insyaaAllah, untuk melihat Negara Brunei Darussalam menjadi lebih maju, sejahtera dan sentiasa dalam rahmat Allah.



Kejayaan Wawasan Brunei 2035 bergantung kepada kecekapan, integriti PA



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin dalam perbahasan usul penangguhan pada hari terakhir Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini telah menumpukan beberapa teras utama yang telah dibangkitkan sepanjang persidangan berkenaan.

Yang Berhormat menjelaskan pertama, keperluan meningkatkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam (PA)

AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

sebagai barisan hadapan pembangunan negara, manakala kedua, keupayaan belia dan graduan bukan teknikal selaras dengan *blueprint* pembangunan; dan ketiga, kelancaran ekosistem perniagaan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi inklusif.

Dalam sektor awam, Yang Berhormat menekankan bahawa kejayaan Wawasan Brunei 2035 amat bergantung kepada kecekapan dan integriti PA sebagai barisan hadapan pembangunan negara.

Namun menurut Yang Berhormat, lebih separuh agensi kerajaan masih kekal pada tahap prestasi yang rendah, yang mana ia sesuatu yang memerlukan tindakan pemuliharaan segera.

Langkah ini jelas Yang Berhormat perlu disokong oleh audit bebas serta garis masa pelaksanaan yang jelas bagi memastikan mutu penyampaian PA benar-benar memenuhi harapan rakyat.

Dari segi kelestarian perniagaan, Yang Berhormat turut memberi penekanan kepada keperluan mewujudkan persekitaran perniagaan yang

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

lebih kondusif.

Menurut Yang Berhormat lagi, isu seperti kelewatan pelaksanaan projek, proses pensijilan halal yang memakan masa terlalu lama dan halangan birokrasi lain perlu diatasi segera. Langkah ini penting bagi memastikan potensi ekonomi negara dapat berkembang sepenuhnya tanpa terikat dengan kekangan prosedur yang melambatkan kemajuan.

"Dalam musim persidangan kali ini, kita telah diberi ruang yang lebih luas untuk membahaskan isu-isu negara serta *blueprint-blueprint* yang menyokong matlamat Wawasan Brunei 2035 secara panjang lebar. Ini memberi peluang untuk membincangkan dan mendalami bukan sahaja cabaran yang dihadapi tetapi juga mencari penyelesaian yang realistik dan boleh dilaksanakan.

"Sesi ini telah membuktikan bahawa apabila ruang masa dan platform yang tepat disediakan, Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengemukakan pandangan yang lebih menyeluruh dan strategik demi kepentingan rakyat serta kemajuan negara," ujar Yang Berhormat.

Dalam perbahasan Wawasan Brunei 2035, Yang Berhormat

juga menyentuh bahawa kejayaan matlamat negara bukan sahaja bergantung kepada kekuatan sektor teknikal tetapi juga kepada keupayaan kita mengangkat potensi graduan bukan teknikal.

Tambah Yang Berhormat lagi, mereka mempunyai peranan besar dalam membentuk ekosistem ekonomi yang lebih bernilai tambah khususnya dalam bidang seperti ekonomi halal, pelancongan budaya, pendidikan dan ekonomi beretika.

Menyentuh mengenai pendekatan *Whole of Nation* pula, Yang Berhormat berkata pendekatan ini mestilah diamalkan secara menyeluruh bukan sekadar retorik atau slogan.

"Kejayaan Wawasan Brunei 2035 memerlukan penglibatan yang ikhlas dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Kita tidak boleh hanya *talk the talk* tetapi wajib *walk the talk* agar setiap dasar mencerminkan semangat kebersamaan dan nilai-nilai yang kita junjung bersama.

"Apabila semua terlibat dalam memberi input dalam membuat dasar dan keputusan, maka ada rasa kepunyaan dan tanggungjawab bersama

(collective responsibility).

"Kita perlu bergerak dari peringkat perancangan kepada pelaksanaan yang menyeluruh dan konsisten. Sudah tiba masanya kita bertanya dengan jujur, berapa banyak daripada pelan yang telah dirangka benar-benar sampai kepada rakyat?

"Dengan hanya lebih kurang sembilan tahun berbaki sebelum menjelang tahun 2035, nampak dan terasa bahawa masa bergerak dengan pantas. Pelan demi pelan telah dihasilkan untuk Wawasan Brunei 2035 dan pelbagai *blueprint* strategik dibuat, namun rakyat tidak menilai pelan. Mereka memilih hasil yang boleh dirasakan dan dilihat," tegas Yang Berhormat.

Terdahulu dalam ucapan penangguhannya, Yang Berhormat menjelaskan, dengan penaiktarafan status dalam badan-badan seperti Inter-Parliamentary Union dan Commonwealth Parliamentary Association pada pemerhati kepada alih penuh adalah satu pengiktirafan antarabangsa terhadap kematangan institusi parlimen negara.

Perkembangan ini jelas Yang Berhormat juga mencerminkan kesungguhan Negara Brunei Darussalam untuk menyumbang secara bermakna dalam menangani cabaran global melalui pendekatan diplomasi parlimen yang berprinsip, inklusif dan konstruktif.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMASTIKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR TIDAK KETINGGALAN DALAM ARUS KEMAJUAN



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong, berkata isu kenaikan harga barang pada masa ini sering menjadi topik perbincangan dalam kalangan rakyat kerana ia memberikan kesan langsung terhadap kos sara hidup harian.

Menurut Yang Berhormat, keadaan ini menjadi lebih membebankan apabila mengambil kira bahawa negara kita banyak bergantung kepada barangan import dari luar negara

termasuk barang mentah yang menjadi keperluan asas harian. Sebagai langkah mengawal perbelanjaan, kita perlu mengamalkan gaya hidup jimat cermat dengan berbelanja mengikut keperluan.

Dari sudut ekonomi tambah Yang Berhormat, kenaikan harga barang boleh menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara termasuk memberikan peluang kepada peniaga dan keuntungan pengusaha tempatan namun pengguna tetap bijak memilih barang berkualiti dengan harga berpatutan. Kerajaan perlu sentiasa memantau kemasukan barang murah yang tidak selamat dan berpotensi membahayakan pengguna.

"Kaola menyokong usaha pihak berkaitan memberikan peringatan kepada orang ramai tentang pentingnya berhati-hati ketika membeli atau mengimport barang secara berterusan melalui siaran televisyen. Langkah ini juga perlu dipertingkatkan dengan memantau secara langsung melalui kaedah turun padang," ujar Yang Berhormat dalam ucapan penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

Yang Berhormat seterusnya berkata dalam merancang kemajuan negara, aspek kesaksamaan perlu menjadi keutamaan, terutamanya dalam memastikan pembangunan luar bandar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan.

Menurut Yang Berhormat, usaha ini adalah penting sebagai sebahagian daripada langkah strategik ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Tambah Yang Berhormat, pembangunan luar bandar yang seimbang penting untuk mengurangkan jurang bandar dan luar bandar, dan memastikan manfaat pembangunan dinikmati seluruh negara, termasuk aspek kesihatan, infrastruktur, teknologi, dan kemudahan awam.

"Pelan strategik perlu dirancang untuk merencanakan semula kawasan pedalaman yang mengalami penyusutan populasi akibat penghijrahan ke kawasan baharu seperti Skim Perumahan Negara.

"Usaha bersepadu perlu menarik kembali penduduk, terutama golongan muda, dengan sokongan infrastruktur, peluang ekonomi dan kemudahan moden melalui langkah pemberian

insentif kediaman, iaitu subsidi pembinaan atau pembaikan rumah dan potongan bayaran utiliti untuk penduduk di kawasan pedalaman melalui Skim Perumahan Negara baharu di kawasan kemajuan luar bandar," kata Yang Berhormat.

Ini kata Yang Berhormat merupakan salah satu matlamat utama dan memastikan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh.

Bagi mencapai sasaran tersebut jelas Yang Berhormat lagi, pihak kerajaan hendaklah melaksanakan beberapa inisiatif strategik, termasuk usaha meramaikan semula kawasan luar bandar melalui pembangunan perumahan yang terancang dan bersepadu.

"Langkah ini bukan sahaja bertujuan untuk menyediakan kediaman yang selesa dan mampu milik, malah juga untuk menghidupkan semula komuniti kampung yang semakin menyusut akibat penghijrahan ke kawasan perumahan baharu," terang Yang Berhormat.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat turut menyentuh kepentingan meningkatkan keselamatan jalan raya khususnya

dalam penyediaan dan penyelenggaraan papan tanda arah jalan. Banyak papan tanda yang di kawasan swasta tidak diselenggarakan dengan baik menyebabkan kekeliruan dan risiko kemalangan.

Langkah ini kata Yang Berhormat penting untuk memastikan kelancaran trafik dan mencegah kemalangan sejajar dengan peningkatan jumlah pengguna jalan raya demi keselamatan dan kesejahteraan semua.

"Kaola mencadangkan. Pertama, lakukan audit dan pemantauan berkala terhadap papan tanda termasuk di kawasan swasta; kedua, tetapkan garis panduan dan tanggungjawab menyelenggarakan bagi pemilik premis; dan ketiga, galakkan penggunaan papan tanda pintar atau reflektif yang tahan cuaca dan mudah dilihat terutama waktu malam.

"Sementara itu, berkenaan dengan tempat rekreasi yang semakin popular untuk aktiviti sihat seperti *hiking* dan juga berjalan santai namun aspek keselamatan perlu diberikan perhatian.

"Pemantauan dan penyelidikan berterusan dari pihak berkaitan penting untuk memperkukuhkan keselamatan tempat rekreasi bagi kesejahteraan penduduk," ujar Yang Berhormat.

Memperkasa keluarga penyayang, kukuh, berdaya tahan

Oleh : Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Kita dapat melihat beberapa perkembangan positif berkaitan usaha-usaha kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan. Walau bagaimanapun, kita memahami bahawa bukanlah mudah untuk merealisasikan semua perancangan tersebut di dalam tempoh masa yang singkat.

Apa yang pasti, tanggungjawab kita adalah memberi sokongan padu sama ada melalui sumbangan buah fikiran mahupun bantuan di dalam kapasiti dan tanggungjawab masing-masing.

Di dalam usaha memenuhi aspirasi matlamat strategik dan haluan dasar Social Blueprint Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya ke arah memperkasa keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya tahan serta membangun masyarakat yang pemedulian, inklusif dan saksama, masih terdapat keluarga di dalam masyarakat kita yang hidup dalam kesusahan dan memerlukan keprihatinan sewajarnya.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau - Daerah Temburong, semasa membentangkan usul penangguhan pada Mesyuarat Kedua dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat lagi, isu keluarga yang tinggal dalam keadaan daif tetapi tidak layak menerima bantuan rumah kerana tanah yang diduduki bukan milik

sendiri. Walaupun tergolong sebagai fakir atau miskin, kekangan status tanah menjadi halangan utama bak kata pepatah Melayu, 'Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'.

Sebagai pemimpin di peringkat akar umbi tambah Yang Berhormat, kita tidak terlepas daripada menghadapi pelbagai permasalahan rakyat yang kian mendesak.

"Kaola memahami kepentingan pemilikan tanah dari segi undang-undang namun menyeru agar penyelesaian yang lebih fleksibel dan berperikemanusiaan dilaksanakan. Antara pelbagai termasuklah mekanisme khas seperti perjanjian sewaan jangka panjang atau kebenaran menduduki sementara, memperkukuh kerjasama antara agensi berkaitan dan institusi akar umbi serta menggubal dasar jangka panjang supaya bantuan tidak terhalang oleh isu pemilikan tanah khususnya dalam kes warisan atau penempatan turun temurun.

"Dengan pendekatan inklusif ini, diharap tiada lagi keluarga terus hidup dalam keadaan daif akibat kekangan birokrasi yang boleh ditangani dengan bijaksana," ujar Yang Berhormat.

Dalam memperkatakan keselamatan sosial, Yang Berhormat menyuarakan kebimbangan terhadap pengaruh dunia digital yang jika tidak dikawal, boleh memberi kesan negatif serius kepada masyarakat khususnya golongan muda dan keluarga. Berdasarkan analisis, situasi semasa Social Blueprint NBD, akses teknologi digital dan internet semakin meluas antara 2012 hingga 2022, pengguna telefon bimbit meningkat 12.5 peratus kepada 528,723. Manakala penembusan jalur lebar

tetap naik kepada 85.89 peratus. Ini menunjukkan rakyat Brunei semakin terhubung secara digital termasuk kanak-kanak menjadikan pengawasan penggunaan teknologi amat penting bagi melindungi kesejahteraan mereka.

Yang Berhormat juga menekankan bahawa penggunaan teknologi digital oleh kanak-kanak perlu sentiasa diawasi, peranan ibu bapa memastikan penggunaannya tidak melebihi sehingga menjejaskan perkembangan minda. Tingkah laku dan emosi kanak-kanak, jika dibiarkan, ia boleh mengganggu hubungan keluarga, melemahkan tumpuan pembelajaran dan menghakis nilai kekeluargaan.

"Sehubungan itu, kaola mencadangkan agar digubal satu akta khusus bagi menangani pengabaian digital oleh ibu bapa atau penjaga.

"Akta ini perlu bersifat pencegahan dan pemulihan termasuk menetapkan garis panduan keibubapaan digital menyediakan program bimbingan dan kaunseling serta mewujudkan mekanisme aduan dan pemantauan oleh pihak berwajib.

"Kaola yakin langkah ini akan membentuk masyarakat yang lebih peduli dan bertanggungjawab selaras dengan matlamat Social Blueprint NBD dalam memperkasa keluarga yang penyayang, kukuh dan berdaya tahan," kata Yang

Berhormat.

Tambah Yang Berhormat, Daerah Temburong kini sedang menikmati arus perubahan yang amat ketara hasil daripada pelbagai inisiatif pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Antara mercu tanda utama kepada transformasi ini ialah pembinaan dan pembukaan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin yang bukan sahaja menghubungkan Temburong dengan wilayah utama negara, malah turut membuka ruang baharu kepada pembangunan infrastruktur ekonomi dan sosial masyarakat setempat.

Salah satu contoh jelas kepada impak positif ini kata Yang Berhormat, ialah pembinaan bangunan BIBD Connects yang kini menyediakan akses kemudahan perbankan moden kepada penduduk tempatan termasuk perkhidmatan digital dan kewangan Islam yang mesra pelanggan. Ini turut merencanakan aktiviti sosioekonomi memudahkan urusan perniagaan mikro dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi, komuniti di Temburong.

Ini tambah Yang Berhormat, merupakan satu bentuk usaha sama secara bersepadu antara pihak kerajaan dengan sektor swasta yang secara langsung melibatkan rakyat sebagai penggerak utama kepada pembangunan sosioekonomi

Daerah Temburong.

"Kaola amat yakin bahawa dengan sokongan infrastruktur yang kian lengkap serta kemudahan asas yang bertambah baik, Daerah Temburong berpotensi untuk berkembang sebagai sebuah daerah yang berdaya saing khususnya dalam sektor pelancongan alam semula jadi, pertanian moden dan keusahawanan komuniti.

"Ke arah meningkatkan akses kemudahan sosial bagi penduduk di Daerah Temburong penyediaan kemudahan infrastruktur yang moden dan menyeluruh adalah sangat penting. Usaha ini bukan sahaja memudahkan kehidupan harian rakyat, tetapi juga bertujuan menggalakkan pelabur tempatan dan luar negara untuk melabur di daerah ini.

"Dengan adanya kemudahan asas seperti jaringan jalan raya yang baik, sistem bekalan air dan elektrik yang stabil serta kemudahan digital dan perbankan yang canggih, Daerah Temburong akan menjadi lebih kompetitif dan berdaya tarik sebagai destinasi pelaburan baharu dan secara langsung, ini juga akan menyokong inisiatif-inisiatif untuk merencanakan semula aktiviti ekonomi di Pekan Bangar menjadikannya lebih aktif, berdaya saing dan seterusnya memberi limpahan manfaat kepada masyarakat tempatan dari segi peluang pekerjaan, keusahawanan pembangunan komuniti," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT KEDUA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

AMBIL PELUANG MUHASABAH DIRI, BERTAUBAT DI BULAN SAFAR



TURUT menyertai Malam Munajat ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

TUTONG, Sabtu, 9 Ogos. - "Bulan Safar ialah bulan kedua dalam kalendar Hijrah selepas bulan Muharam. Dalam bahasa Arab, Safar bermaksud kosong. Mengikut kepercayaan Arab Jahiliyah, bulan Safar merupakan bulan yang membawa bala / kemalangan dan kerugian.

"Ketika Islam datang, kepercayaan ini dihapus dengan keimanan. Justeru, marilah kita

meningkatkan pintu keimanan dan keinsafan bahawa bulan Safar adalah bulan peluang untuk kita bermuhasabah, bertaubat dan memperbaiki diri.

"Ingatlah, musibah atau segala sesuatu yang ada di dunia ini bukan disebabkan bulan atau hari, akan tetapi kerana hikmah serta qada dan qadar Allah Subhanahu Wata'ala, atau mungkin juga sebagai peringatan atas kelalaian

kita sendiri.

"Islam adalah agama yang sangat menghargai fungsi akal sihat. Dengan itu, setiap pekerjaan amat dianjurkan melalui satu perencanaan yang matang dan ikhtiar. Selebihnya adalah doa dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala".

Begitulah antara perkara yang dijelaskan dalam tazkirah bertajuk 'Safar: Peluang Muhasabah

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Diri' disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Salihan bin Samra dari Masjid Kampung Telisai, Tutong bagi menyerikan Malam Munajat anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Kali Ke-193.

Acara Munajat malam tadi disertai oleh Ahli-ahli Kumpulan Belia Ibadurrahman, Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong dan Ahli Jawatankuasa Takmir serta para jemaah dari beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara.

Turut menyertai Malam Munajat ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga, warga kerja di bawah KHEU dan Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) serta individu yang turut hadir secara maya dari kediaman masing-masing.

Malam Munajat dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri dari Masjid Kampung Telisai.

Diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Bilal Tingkat I, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), KHEU,

Awang Md. Hazwan Hamizan bin Haji Haminudin, dari Masjid Kampung Telisai.

Manakala Doa Munajat dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, KHEU, Awang Haji Azman bin Haji Musa dari Masjid Kampung Telisai.

Sejurus selesai tazkirah, diteruskan dengan Selawat Ibrahimiyah dipimpin oleh Ahli Kumpulan Belia Ibadurrahman, Masjid Hassanah Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Ahmad Wa'ie bin Abd. Wahab.

Kemudiannya, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, JHEM, KHEU, Awang Saifol bin Ismail, dari Masjid Kampung Telisai.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan mempertingkatkan amalan kerohanian, memohon keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat daripada segala bala bencana dan penyakit merbahaya.

Orang ramai adalah dialu-alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap hari Sabtu malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu>.

Syasya Syahmina@ Hur Ain juara Best 914



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada **Pertandingan Peringkat Akhir Best 914 Ke-21** dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada juara pertandingan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Radio Televisyen Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Ogos. - Dayang Syasya Syahmina@Hur Ain binti Shahbina dinobatkan sebagai juara pada **Pertandingan Peringkat Akhir Best 914 Ke-21** baru-baru ini yang berlangsung di Pentas Perayaan, kawasan letak kereta berhadapan Muzium Alat Kebesaran Diraja, di sini.

Manakala naib juara dan tempat ketiga masing-masing disandang oleh Awang Mohammad Hafiz Lidinillah bin Durahim dan Pengiran Safanorsaimah binti Pengiran

Mohamed.

Sementara itu, Star Best 914 pula diberikan kepada Awang Mohammad Hafiz Lidinillah.

Juara menerima wang tunai BND1,000 berserta trofi, sijil, satu tiket penerbangan ke Beijing, Republik Rakyat China sumbangan Royal Brunei Airlines (RB), rakaman lagu dan muzik video sumbangan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Manakala naib juara menerima wang tunai BND800 berserta trofi, sijil, satu tiket penerbangan ke

Incheon Seoul, Republik Korea sumbangan RB, sementara tempat ketiga menerima wang tunai BND600 berserta trofi, sijil, satu tiket penerbangan ke Ho Chi Minh City, Viet Nam sumbangan RB.

Bagi Persembahan Terbaik (Star Best 914) pula menerima wang tunai BND350 berserta trofi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Haji

Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Turut hadir, Pemangku Pengarah RTB, Awang Cheong Chee Keong; dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta orang ramai.

Seramai tujuh peserta berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Best 914 Ke-21.

Malam berkenaan turut diserikan lagi dengan persembahan daripada artis-artis tempatan, iaitu Fakhru Razi, Aie Rahman, Pipa Ismail dan The Pujanggas.

Para penaja adalah terdiri daripada Milimewah Department Store Sdn. Bhd., HYS Tindulang Restaurant & Catering, Intracorp Sdn. Bhd. dan Royal Brunei Airlines.

Best 914 mula diperkenalkan pada 2002. Pertandingan berkenaan adalah susulan daripada segmen nyanyian, iaitu Vokal Pelangi yang disiarkan setiap Rabu, jam 4.00 petang. Juara bulanan menerima segmen berkenaan kemudiannya bersaing semula di pentas Best 914 sebagai finalis.

Beberapa orang bintang juga telah berjaya dilahirkan menerusi program Best 914 antaranya Dayat, Rapul Rezal, Neff Aslee, Adeb Titanz, Emel, Ecak, Yaniey Junaini, Habib Adanan dan ramai lagi.

Best 914 juga menjadi sebahagian daripada usaha untuk mencari bakat-bakat baharu RTB melalui Pelangi FM.





PENOLONG Mufti (Ifta') bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir bagi menghadiri Persidangan Antarabangsa Ke-10 Sekretariat Agung Penguatkuasa Fatwa Sedunia (General Secretariat for Fatwa Authorities Worldwide), sebagai wakil kepada Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Ogos. - Penolong Mufti (Ifta'), Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah hari ini bertolak ke Kaherah, Republik Arab Mesir bagi menghadiri Persidangan

PENOLONG MUFTI HADIRI PERSIDANGAN ANTARABANGSA KE-10

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

Antarabangsa Ke-10 Sekretariat Agung Penguatkuasa Fatwa Sedunia (General Secretariat for Fatwa Authorities Worldwide), sebagai wakil kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Turut mengiringi beliau ke persidangan tersebut ialah Penolong Ketua Istibat di Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Raimi bin Awang Tengah.

Persidangan pada tahun ini bertajuk 'Pembentukan Mufti Berwibawa di Zaman Kecerdasan Buatan' (The Making of the Competent Mufti in the Age of

Artificial Intelligence) dan akan bersidang selama dua hari bermula 12 sehingga 13 Ogos 2025 di Kaherah, Republik Arab Mesir.

Tujuan utama persidangan ini diadakan adalah untuk meletakkan asas yang jelas untuk melatih seorang mufti yang arif dan boleh melibatkan diri dengan transformasi digital serta secara bertanggungjawab menggunakan alatan Kecerdasan Buatan (AI) untuk melaksanakan proses fatwa sambil menegakkan prinsip Islam.

Persidangan pada tahun ini juga bertepatan dengan Ulang Tahun Penubuhan Sekretariat Agung

Penguatkuasa Fatwa Sedunia Ke-10 di mana sejak sedekad lalu, menghimpunkan 111 institusi fatwa dari seluruh dunia dalam mengukuhkan kerjasama, meningkatkan prestasi fatwa dan memupuk penyelarasan dalam kalangan pihak berkuasa agama.

Dihoskan oleh Dar al-Ifta Republik Arab Mesir, persidangan ini dijangka akan dihadiri oleh mufti-mufti, menteri-menteri, para ulama dan pakar daripada lebih 100 negara.

Kehadiran ke persidangan tersebut juga adalah atas jemputan Mufti Besar Republik Arab Mesir, Dr. Nazir Ayyad selaku Presiden Sekretariat Agung Penguatkuasa Fatwa Sedunia.

Semai nilai kepimpinan, tanggungjawab sosial, kerja berpasukan



PENOLONG Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan Pembangunan Sosial), Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Iswandy bin Ahmad hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Program Perkhemahan Belia 'Belia Berwawasan, Teras Kekuatan Negara'.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

KIARONG, Sabtu, 9 Ogos. - Belia merupakan aset terpenting dalam pembinaan tamadun bangsa dan negara. Mereka bukan sahaja pewaris kepimpinan masa hadapan, malah menjadi tulang belakang dalam menggerakkan agenda pembangunan masyarakat yang holistik dan seimbang.

Justeru itu, adalah menjadi suatu keperluan untuk melahirkan generasi belia yang bukan sahaja berketerampilan dari segi intelek dan fizikal, tetapi juga memiliki jati diri yang kukuh, berakhlak mulia serta berpegang teguh kepada ajaran Islam yang syumul.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Belia dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dengan kerjasama Kumpulan Belia Masjid Ashabul Akhyar, Kampung Lumapas dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara telah menganjurkan Program Perkhemahan Belia 'Belia Berwawasan, Teras Kekuatan Negara'.

Program ini berlangsung

selama tiga hari dua malam, bermula dari 9 hingga 11 Ogos 2025 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan program ialah Penolong Pengarah Urusan (Perkhidmatan Kebajikan Pembangunan Sosial), YSHHB, Awang Iswandy bin Ahmad.

Antara objektif program ini diadakan adalah bagi memantapkan jati diri dan sahsiah belia melalui pendekatan Islam yang syumul menerusi pengisian rohani, aktiviti kerohanian dan pendidikan nilai murni.

Di samping menyemai semangat kepimpinan, tanggungjawab sosial dan kerja berpasukan dalam kalangan belia melalui aktiviti lasak, kerja berkumpulan dan cabaran fizikal serta mental.

Antara pengisian program ini ialah ceramah, bengkel kerohanian, latihan dalam kumpulan, sesi motivasi, aktiviti kesenian Islam, aktiviti khidmat masyarakat, aktiviti kepimpinan dan sebagainya.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Gaya Hidup Sihat Sebagai Asas Kesejahteraan Hidup'. Tarikh Tutup : 13 Ogos 2025
- 'Kebaikan Menjadi Masyarakat Berdisiplin, Bertoleransi'. Tarikh Tutup : 20 Ogos 2025
- 'Pembangunan Ekonomi Digital: Peluang dan Cabaran'. Tarikh Tutup : 27 Ogos 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

سروک سر

مغابايکن کواحيقن زکاة هرتا: مئونداغ عذاب دان کروکين

جماعه يغ درحمتي الله،

بر تقوى له کيت كحضرة الله ﷺ دغن منيغکنکن کليمانن کفدن. سسوغکوهن اورغ يغ فاليع مليا ديسي الله ﷻ ايت اياه اورغ يغ فاليع بر تقوى، موده-مودهن کيت منجادي انسان يغ سننياس مغايغي الله ﷻ بر اوله کحيان دان کسلامتن دنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمتي الله،

هرتا مروفاکن کورنيا الله ﷻ کفد هميا-هميا يغ منجادي کفرلوان ستياغ اورغ، کران هرتا بوليه مياوا کيهکيان، اکن تنافي سباليقن، جک ساله فغکونان هرتا ايت بوليه مياوا کينسان. کران ايت اداله منجادي تغکوغجواب ستياغ فميلیکن اونتوق منتدبير دان مغوروسکنن دغن بتول دان بيحقسان منوروت اجرن اسلام، سقرتي مفرأوليهي دغن جارا يغ حلال دان مبلنجاکنن قد فرکارا-فرکارا يغ بايک دان برفانده، ميري نفقه کفد اورغ-اورغ يغ دباوه تغکوغجوابن، سرتا مبالورکن کاره فرکارا يغ برکباحيقن سقرتي برصدقه، بروقف دان ليه-ليه لاکي مغلوارکن زکاة.

ستياغ هميا الله ﷻ سبانه و تعالى واجب منونیکن تغکوغجواب ترسيوت، دان اکام اسلام تله مفرأونتوقن جارا فغوروسن هرتا-هرتا ايت ملالوي دليل-دليل اتاو نص-نص يغ دويحکن الله ﷻ کفد بکيندا ﷺ. فرمان الله ﷻ سورة الحديد آية ۷:

تفسير:

برلمان له کفد الله دان رسولن، دان بلنجاکنله (قد جالن الله) سبهاکين درفد هرتا کورنيان يغ دجاديکنن کامو سباکاي فغواسان. مک اورغ-اورغ يغ برلمان اتارا کامو دان مبلنجاکن (سبهاکين درفد هرتا ايت قد جالن الله)، مريک برأوليه فهلا يغ بسر.

جماعه يغ درحمتي الله،

سريغ کالي اورغ ترلئس فندغ اکن کواحيقن زکاة هرتا برينديغ زکاة فطره. اد يغ برأغکنن بهوا زکاة يغ واجب ايت اياه زکاة فطره سهاج دان مراسکن بهوا مريک تله منونیکن کواحيقن زکاة دغن مغلوارکن زکاة فطره قد ستياغ کالي منلج عید الفطري.

ماسيه اد يغ کورغ فهم اتاو تيدق تاهو تنغ زکاة هرتا، حکوم-حکام زکاة، تيدق تاهو قدر نصاب دان جارا فغوران زکاة سرتا تيدق تاهو دمان تمقت اونتوق مغلوارکن زکاة. دنکارا بروني دارالسلام، اورغ راماي يغ هندق منونیکن زکاة هرتا، بوليله دانغ کتمقت-تمقت برأیکوت سقرتي کاونتر کونيقن زکاة، جابن أوروسن زکاة، وقف دان بيت المال (JUZWAB) دباغونن کمنزين حال إحول اکام، جاوغن-جاوغن کاونتر زکاة JUZWAB دفجابت فجابت حال إحول اکام دائره توتوغ، دائره بلايت دان دائره تمبوروغ، عامل-عامل، إنستيتوسي کواغن دان قربنکن سرتا فهديا فرخدمتن يغ تله دلانتیق منجادي عامل دسلوروه نکارا.

مندعکن زکاة مروفاکن ساله ساتو دري روکون اسلام، مسئله اين اداله واجب اونتوق دکنهوي، أومقامن باکيمان جارا مغلوارکن زکاة فرنياکان، زکاة هرتا دان لاین-لاین يغ واجب دزکاتکن. سسوغکوهن حکوم مغلوارکن زکاة اداله واجب کاتس ستياغ اورغ اسلام يغ منوهي شرط-شرطن. اورغ يغ تيدق مغلوارکن زکاة اداله فاسيق دان بردوسا بسر مانکلا

اورغ يغ ايغکر اکن کتنش حکوم واجب زکاة قولاً دکرأ کوفور. فرمان الله ﷻ دالم سورة البقرة آية ۱۱۰:

تفسير:

دان ديریکنله سمبيغ دان بايرله زکاة. دان اف جوا کبايکن يغ کامو دهولون اونتوق دري کامو نسجاي کامو اکن مندافت کنجرن فهلان ديسي الله. سسوغکوهن الله مها مليهت اف يغ کامو کرجکن.

جماعه يغ درحمتي الله،

ادقون انتارا حکمه فشريعتن زکاة اياه:

قرتام: واده اتاو جارا اونتوق مياتاکن راس شکور اتس نعمت يغ دکورنيانن الله ﷻ.

کلوا: برفوغسي سباکاي فميرسيه دري دان هرتا.

کتيک: مبرسيهکن جيوا، منسوجيکن هاتي دري راس دغکي سسام اگکوتا مشارکت، مغوکوهن ايکن فرسودارأ سسام اسلام دان منمبه راس کاسيه سايع دان کاقربن دانتارا ستياغ کولوغن مبشارکت.

کامقت: مفاوس راس بنجي کولوغن مسکن ترهاتف کولوغن کاي، کران دغن بنتوان زکاة، مريک دافت مراسکن اداان فرتولوغن، راس تغکوغجواب دان فريکمانسيان سرتا مراسکن اداان فرکوغسين دالم حق فميلیکن هرتا.

کليم: منديديق دان ممباسکن دري سساورغ منجادي درماوان، قموه دان سولک مبننو. دالم ماس يغ سام دافت منولق دان مغيکيس صفة کيکرو دان بخل کران الله ﷻ سبانه و تعالى مبرکتی هرتا سي فميري زکاة دان منمبهن.

کام: مسئله دسيکن تکن دري کسمقيتن هيذوف يغ بياسان برلاکو دکالغن فقير مسکن، اورغ يغ ديبني هوتغ اتاو ساومقامان يغ بوليه داتسي دغن کلافغن دان کسنغن يغ ترحاصيل دري بنتوان زکاة يغ دترما.

کوجوه: مبننو منجان ايکونومي يغ ستايل دان تراتور. فقحاصلين زکاة يغ برتروسن دان فرأونتوکنن مغيکوت سالورن-سالورن يغ دنتوکن مبننو ممينا ايکونومي دغن جارا يغ فرکتیکل. أومقامن بنتوان مودال درفد حاصل کونيقن زکاة ديریکن کفد فقير اتاو مسکن يغ بنر-بنر برحاجة اونتوق برنياک اتاو ممبوک فرأوسهان.

جماعه يغ درحمتي الله،

سسوغکوهن اورغ-اورغ يغ منونیکن زکاة دجنجیکن کنجرن بسر درفد الله ﷻ سبانه و تعالى. انتاران مفرأوليهي کنجرن فهلا يغ برکندا سباکيمان فرمان الله ﷻ سورة الروم آية ۳۹:

تفسير:

دان قميرين (ربا) يغ کامو بريکن (دغن مقصود) سوفاي اي برتمبه قد هرتا مانسي مک اي تيدق برتمبه ديسي الله. دان قميرين زکاة (اتاو صدقه) يغ کامو بريکن کران مغلدي کريضان الله مک مريک ايتله اورغ يغ مندافت فهلا برليقت کندا.

سلاين ايت، دالم القرآن دان حديث-حديث رسول الله ﷺ بايق ميريکن انجمن دان امران سباکاي فريغن دان فغاجرن، بهکن بايق

جريتا-جريتا اتاوقون قيصة-قيصة مغياي اورغ يغ تيدق ماهو مغلوارکن زکاة اونتوق منجادي إعتبر کفد کيت.

ادقون انتارا عذاب اتاوقون سيقسان يغ باکل دترما اوليه مريک يغ ايغکر دان اگکن مغلوارکن زکاة ايت اياه دکالوغي اتاوقون دليغکاري ليهيرن اوليه اولر دري أفي سباکيمان حديث رسول الله ﷺ يغ دروايتکن اوليه إمام بخاري. درفد أبو هريرة رضى الله عنه رسول الله ﷺ برسبدا يغ برمقصود: سسياف يغ دکورنيانن هرتا اوليه الله نامون دي تيدق مغلوارکن زکاتن، نسجاي قد هاري قيامه ننني هرتان ايت دجاديکن سليکور اولر برکفلا ليچين (کران ساغت بريسا) يغ مقويلاي دوا تاريخ يغ اکن مليتن. کمودين اولر ترسيوت اکن ميميرن دغن دوا تولغ راهغن لالو اي برکات: "اکو اداله هرتامو، اکو اداله هرتا سيمقن مو." کمودين بکيندا ﷺ مياج آية يغ تفسير: دان جاغنه سکالي-کالي اورغ يغ بخل دغن اف يغ تله دکورنيانن الله کفد مريک درفد کورنيا کمورهنن (اگکن مغلوارکن هرتا دجالن الله دان تيدق ماهو مياير زکاة) ميغکا بهوا کبخيلن ايت بايک باکي مريک.

جماعه يغ درحمتي الله،

قد حقيقتن، هرتا بندا دان ککايان يغ کيت ميليکي بوکنله حق ميلیک کيت يغ مطلق، اکن تنافي أمانه درفد الله ﷻ سبانه و تعالى. مانسي دبنرکن مفرأوليهي دان منعمتي رزقي ککايان ترسيوت دغن مغيکوت لونس-لونس شرع دان اقيل تله جوکوف شرط-شرطن مک هندقله دکلوارکن زکاة.

سسوغکوهن هرتا يغ تله جوکوف شرط-شرطن اکن تنافي تيدق دکلوارکن زکاة، مک قميلیک هرتا ترسيوت اکن مندافت سيقسا يغ أمت قدیه داخيرة ننني.

آخرن، ماريله کيت تانمکن کانصغن دان کسدرن دالم دري کيت دان تاکوت اکن سيقسا الله ﷻ سبانه و تعالى يغ ساغت قدیه داخيرة کلق. موده-مودهن کيت سمو دکورنيانن رزقي يغ مليقه رواه دان دجاوهکن دري برصقة بخل دان کدکوت. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسير:

واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان! سسوغکوهن راماي درفد فنديتا-فنديتا يهودي دان رهيب-رهيب نصراني بنر-بنر ماکن هرتا اورغ لاین دغن جارا يغ باطل دان مريک مغلالي (مانسي) درفد جالن الله. دان اورغ-اورغ يغ ميمقن أمس دان فراق (يغ تيدق دکلوارکن زکاتن) دان تيدق مبلنجاکنن قد جالن الله مک کمبراکنله مريک دغن عذاب يغ قدیه. (يايت) قد هاري دبکر أمس دان فراق سرتا هرتا-بندا ايت دالم تراک جهنم لالو دستريکا (دبکر) دغن داهي مريک دان روسوق مريک سرتا بلاکغ مريک (سميل دکاتکن کفد مريک): "ايتله اف يغ کامو تله سيمقن اونتوق دري کامو سنديري، اوليه ايت راساله (بالسن عذاب درفد) اف يغ کامو سيمقن (دغن تيدق مياير زکاتن) ايت." {سورة التوبة آية: ۳۴-۳۵}

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّاسِينَ.

Pesta makanan ketengahkan sajian tradisional, moden Jepun



Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam bersama Pemilik OneCity Shopping Centre, Lau Soon Lin semasa memotong reben perasmian Pesta Makanan Jepun 2025 (atas). Manakala gambar atas kanan, antara produk jualan pada pesta berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Dengan hasrat murni untuk memperkenalkan dan mempromosikan keunikan kulinari, budaya dan pelancongan Jepun dalam kalangan masyarakat di

negara ini, Kedutaan Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan kerjasama OneCity Shopping Centre petang tadi menganjurkan Pesta Makanan Jepun 2025 bertempat di OneCity Shopping Centre, Salambigar, bermula hari ini sehingga 10 Ogos 2025.

Hadir bagi menyempurnakan majlis pembukaan pesta berkenaan ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka bersama Pemilik OneCity Shopping Centre, Lau Soon Lin dengan memotong reben perasmian pesta tersebut.

Dalam ucapan perasmian, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka antara lain merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada yang terlibat dalam menjayakan pesta berkenaan yang mana penganjurannya pastinya juga menandakan nilai hubungan diplomatik antara Jepun dengan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Lau Soon Lin dalam ucapannya turut berkesempatan mengungkapkan kegembiraan dengan adanya kolaborasi penganjuran pada tahun kedua pesta berkenaan bersama Kedutaan Jepun NBD sekali gus menaruh harapan tulus agar para pengunjung akan menikmati masa terluang mereka dengan penuh keseronokan sepanjang pesta berlangsung.

Pesta Makanan Jepun pada tahun ini menandakan penganjurannya buat tahun kedua yang mana sebanyak 33 vendor tempatan dan juga luar negara telah memeriahkan ruang pesta tersebut.

Pelbagai produk jualan merangkumi makanan dan minuman ala tradisional dan moden telah diketengahkan di samping beberapa vendor yang menawarkan maklumat pelancongan ke Jepun.

Sejurus sesi perasmian, persembahan gendang tradisional Jepun yang dikenali sebagai Wadaiko turut mewarnai suasana pesta tersebut, di samping sesi demonstrasi pemotongan 'swordfish' atau Kajiki Maguro Kaitai.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

28 REKRUT WADAR TAMAT LATIHAN



SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Bagi Rekrut Wadar Lelaki dan Wanita Pengambilan 1/2025 (atas). Manakala gambar kanan, Kawalan Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki dan Wanita Pengambilan 01/2025.

TUTONG, Sabtu, 9 Ogos. - Seramai 28 rekrut wadar pengambilan 1/2025 diraikan hari ini setelah menamatkan latihan asas kepenjaraan selama lebih enam bulan.



Rekrut Wadar Lelaki dan Wanita Pengambilan 1/2025 diadakan pagi tadi di Padang Kawad, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut.

Majlis dimulakan dengan Pemeriksaan Kawalan Perbarisan Tamat Latihan Rekrut Lelaki dan Wanita Pengambilan 01/2025 oleh tetamu kehormat dan seterusnya diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Pada majlis itu, tetamu kehormat

ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

juga menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Rekrut-Rekrut Terbaik dalam Pelbagai Jurusan.

Wadar 869 Ainerihan Anak Rogo merangkul hadiah Terbaik Keseluruhan Semua Jurusan dan Kawad.

Manakala Terbaik Latihan Jasmani di terima oleh Wadar 864 Muhammad Sofwan Syazwan bin Haji Mohammad Roney.

Seterusnya, Terbaik Akademik di berikan kepada Wadar Wanita 883 NurulAin Izzati@Umi binti Haji Khairul Hazimin.

Sementara itu, Terbaik Seni Bela Diri diterima oleh Wadar 880 Muhammad Khairul Asjad bin

Abdullah.

Kemudian diikuti dengan Terbaik Menembak yang diberikan kepada Wadar Wanita 889 Afifah Hanisah Zulhusni binti Abdullah.

Bagi memberkati majlis Doa Selamat dibacakan oleh Wadar 536 Haji Mohd. Amin bin Haji Mohamed.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pengarah Penjara, ketua-ketua jabatan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, jemputan-jemputan khas, ketua-ketua pengurusan Jabatan Penjara dan ahli-ahli keluarga Rekrut Wadar Lelaki dan Wanita Pengambilan 1/2025.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kamil! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّي لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يثغ ممباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قثعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

MEMBUDAYAKAN MEMBACA AL-QURAN DALAM KEHIDUPAN

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga Penaung Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching bergambar kenangan bersama peserta khatam (atas). Manakala gambar kiri, Yang Berhormat yang juga peserta khatam, sama-sama memeriahkan majlis berkenaan.

SUNGAI HANCHING, Sabtu, 9 Ogos. - Membudayakan bertadarus Al-Quran mendorong untuk mengukuhkan lagi amalan dalam menghidupkan kecintaan kepada kitab suci umat Islam. Bagi menzahirkan rasa kesyukuran selepas menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran, Ahli

Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching baru-baru ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

yang juga Penaung AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching hadir dan turut menyertai majlis berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Ketua Imam

Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumaat yang juga membaca Doa Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Tahlil.

Dalam pada itu, Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Hanching menjelaskan membudayakan

membaca Al-Quran dan seterusnya mengadakan Majlis Khatam Al-Quran menjadi ibadah yang positif bagi meningkatkan kecintaan kepada Al-Quran serta memperkukuh perpaduan dalam kalangan AJK Masjid, jemaah dan juga dalam kalangan penduduk sekitar.

Menyemai rasa kecintaan terhadap Al-Quran

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.

TUTONG, Sabtu, 9 Ogos. - Seramai 116 pelajar Tahun 6 dan Tahun 11 Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran pagi tadi bertempat di Dewan Besar sekolah berkenaan atas kejayaan para pelajar berkenaan menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Turut hadir, para jemputan khas dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), ibu bapa serta penjaga para pelajar yang diraikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Acara diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran, Doa Khatam Al-Quran, persembahan Dikir serta penyampaian sijil kepada para peserta khatam yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Penganjuran majlis bertujuan untuk memupuk minat dan menggalakkan para pelajar agar terus istiqamah dalam pembacaan serta penghayatan Al-Quran. Di samping itu, untuk menyemai kecintaan terhadap Al-Quran



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

dalam kalangan pelajar sejak usia muda serta membudayakan pembacaan Al-Quran sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

Di samping itu, untuk mengeratkan silaturahim antara warga sekolah dan ibu bapa melalui penglibatan bersama dalam meraikan kejayaan para pelajar. Selain itu, untuk memperkukuh pendidikan agama dan syiar Islam di negara ini melalui inisiatif JPI, serta sebagai usaha merealisasikan hasrat kerajaan dalam melahirkan generasi celik Al-Quran.

SEBAHAGIAN yang hadir menyertai majlis berkenaan.



JPA TERIMA PENGIKTIRAFAN BERPRESTIJ DI PERINGKAT ANTARABANGSA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Awam

MALAYSIA, Sabtu, 9 Ogos. - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Brunei Darussalam, Dr. Norfarizal bin Othman menghadiri Majlis Makan Malam Gala Asia HRD Awards yang berlangsung semalam di Universiti Cyberjaya, Malaysia.

Majlis tersebut merupakan sebahagian daripada program Asia HRD Congress 2025 yang diadakan pada 8-9 Ogos 2025 dengan tema 'Workforce Agility in the Era of AI' (Kecekapan Tenaga Kerja dalam Era AI).

Memasuki tahun ke-22 penganjurannya, Asia HRD Awards terus mengiktiraf individu dan organisasi di seluruh rantau ini atas sumbangan cemerlang mereka dalam pelbagai aspek

pembangunan sumber manusia.

Majlis pada tahun ini meraikan penerima anugerah dalam Kategori Pencapaian Sepanjang Hayat, Sumbangan kepada Masyarakat, Sumbangan kepada Organisasi, Sumbangan kepada Komuniti HR, dan Movers and Shakers.

Semasa majlis tersebut, Ketua Pengarah telah menerima anugerah bagi Kategori Sumbangan kepada Organisasi bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Negara Brunei Darussalam (NBD).

Anugerah ini mengiktiraf kepimpinan cemerlang JPA dalam membentuk dan memperkukuh Perkhidmatan Awam negara.

Sebagai agensi utama yang

KETUA Pengarah Perkhidmatan Awam Brunei Darussalam, Dr. Norfarizal bin Othman semasa menerima anugerah bagi Kategori Sumbangan kepada Organisasi bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Negara Brunei Darussalam.

menyelaras hal ehwal modal insan sektor awam, JPA memainkan peranan penting dalam merancang, mengurus dan membangunkan tenaga kerja perkhidmatan awam bagi memastikan keberkesanannya yang berterusan serta sejajar dengan aspirasi negara.

Pengiktirafan ini meningkatkan lagi komitmen jabatan dalam memartabatkan pembangunan kapasiti dan profesionalisme sektor Perkhidmatan Awam NBD.



162 peserta tamat Kursus Tajwid Al-Quran

TUNGKU, Sabtu, 9 Ogos. - Seramai 162 orang peserta lelaki dan perempuan yang terdiri daripada penduduk Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong berjaya mengikuti dan menamatkan Kursus Asas Ilmu Tajwid Al-Quran di Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam.

Kursus yang dianjurkan Jawatankuasa Takmir masjid berkenaan itu julung kalinya diadakan di mana ia dijalankan selama tiga bulan bermula dari bulan Mei sehingga Julai 2025 yang dibimbing oleh Penceramah Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abd. Kadir.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Majlis juga diserikan dengan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jawatankuasa Takmir Masjid Universiti, Universiti Brunei Darussalam



persembahan nasyid oleh peserta perempuan Kursus Asas Tajwid.

Dengan berakhirnya kursus tersebut, semoga tercapai hasrat membantu meningkatkan ilmu

pengetahuan, memperkasa dan memperelokkan lagi bacaan Al-Quran dan semoga inisiatif ini dapat melahirkan insan yang cemerlang duniawi dan ukhrawi.



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai (atas sekali dan atas).



MEMBACA YAA SIIN, BERTAHLIL SEMPENA PENUKARAN NAMA SEKOLAH

Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 10 Ogos. - Sebagai langkah pertama bagi mengambil sukut dalam memulakan catatan sejarah yang baharu, Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB) dan Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SARIPAD) baru-baru ini berkolaborasi bagi mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja.

Majlis berkenaan bersempena dengan penyelarasan nama kedua-dua buah sekolah berkenaan pada 23 Mac 2025 atas pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti



SUASANA pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bertempat di Kubah Makam Diraja (atas dan atas kiri).

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi memulakan lembaran dengan aktiviti keagamaan untuk menzahirkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan junjung kasih atas pengurniaan nama

berkenaan, selain mengenang jasa Al-Marhum atas keprihatinan dan pandangan jauh baginda terhadap pengajaran agama khususnya dalam bahasa Arab sehingga tertubuhnya kedua-dua buah sekolah Arab berkenaan.

Ia juga sebagai generasi penerus kepada legasi kedua-dua buah sekolah berkenaan dengan kejayaan melahirkan para cerdik pandai dalam pelbagai bidang sehingga dapat menyumbang

kepada pembangunan negara secara keseluruhan

Semua ini adalah hasil pandangan jauh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk memartabatkan pendidikan agama dan bahasa Arab pada ketika itu supaya dapat melahirkan para cendekiawan yang berpengetahuan dalam hal ehwal agama dan hal kemajuan yang bermanfaat kepada negara ini.

Suntik semangat patriotisme, sifat perpaduan

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



JERUDONG, Sabtu, 9 Ogos. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sayyidina Husain.

Taklimat yang mengambil tempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan itu dihadiri oleh Pengetua, Dayang Nor'izzah binti Haji Othman dan para tenaga

pengajar sekolah.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail, kepada 380 orang pelajar Tahun 7, 8 dan 9.

Program dihasrat untuk menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community), di mana para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh pengetua

sekolah berkenaan.

Jerayawara ASEAN juga merupakan usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Pada masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam mengamalkan hala tuju negara satu masa nanti.

SEBAHAGIAN pelajar yang hadir pada jerayawara tersebut.



KETUA Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail semasa menyampaikan Taklimat Kenali ASEAN (kiri). Manakala gambar atas, sesi bergambar ramai.





**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Sebut Harga:
13 / JMM / S / 12 / 91 (2025 / 2026) – R

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract (24 Months)
Maintenance Of Air-Conditioning
System At Hab Tenaga Brunei
Dermaga Diraja,
Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup:
Khamis, 28 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



Bilangan Sebut Harga:
14 / JMM / S / 12 / 91
(2025 / 2026)

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Pembelian
Peralatan, Perkakas dan Kimia
Bahagian Pemeliharaan dan
Pembaikan,
Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup:
Khamis, 28 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Pemohon-Pemohon terdiri dari
rakyat Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
adalah dipelawa untuk
memohon jawatan berikut ;

Jawatan:
Pembantu Makmal / Bilik Kuliah
Demonstrasi

Tangga Gaji:
D.1-2-3 EB.4-5
[BND530 - BND1,625]

Kekosongan:
2 Jawatan

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

**Menghadapkan Borang
Permohonan**

Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan
melalui pautan ini:
<https://tinyurl.com/PMBKDUBD2025>

Hendaklah memuat naik Salinan
sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV)
yang terkini dan
dokumen-dokumen yang
berkaitan. Permohonan hendaklah
disikan dengan lengkap
tidak lewat 24 Ogos 2025.

Bagi pemohon-pemohon yang
sedang berkhidmat dalam
perkhidmatan Kerajaan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam adalah dikehendaki
untuk menghadapkan salinan asal
dokumen-dokumen yang lengkap
(melalui Ketua Jabatan)
seperti berikut:

1. Satu (1) Laporan Sulit
2. Salinan Prestasi bagi tempoh 3
tahun kebelakangan
(sekurang-kurangnya sangat baik)
3. Satu (1) salinan rekod
perkhidmatan yang telah
dikemaskinikan

Dokumen-dokumen berkenaan
hendaklah dihantar
ke alamat berikut:

**Pejabat Sumber Tenaga Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link,
Gadong BE1410
Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]**

Permohonan yang tidak lengkap,
tidak mengikut tatacara yang
ditetapkan dan lewat diterima
tidak akan dilayan.

Bagi sebarang pertanyaan
atau maklumat lanjut,
sila hantar e-mel ke:
admin.recruitment@ubd.edu.bn

Hanya pemohon-pemohon yang
disenarai pendek (*shortlisted*)
sahaja akan dihubungi
bagi urusan temu duga.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Tawaran Terbuka Bagi
Membekal dan Menghantar
Terus Buku Teks
Mata Pelajaran Bahasa Inggeris
Tahun 7 Dan Tahun 8**

**MOE / LTK / 52 / 2025 / 2026
(JPK-OGOS-2025)**

Tawaran Terbuka Bagi Membekal
dan Menghantar Terus Buku Teks
Mata Pelajaran Bahasa Inggeris
Tahun 7 dan Tahun 8 Ke
Sekolah-Sekolah Menengah
Kerajaan, Negara Brunei
Darussalam Bagi Tahun
Kewangan 2025 / 2026

**Bayaran Yuran/ Dokumen
Tawaran:**
BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa, 26 Ogos 2025
[Tidak lewat jam 2.00 petang]



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**JPH / 003 / SH / 2553 /
2025 - 2026**

Membaik Pulih Gabion Wall dan
Scouring Behind Seawall Di
Taman Rekreasi Tumpuan Telisai,
Daerah Tutong

Syarat: Dibukakan kepada
penender-penender yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan di dalam Kelas I
Ke Atas Dan Sub Kategori KA 01
Kerja-Kerja Am Kejuruteraan Am

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00

Borang Sebut Harga:
BND5.00 [Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir
Membeli Dokumen:**
27 Ogos 2025 (Rabu)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
18 September 2025 (Khamis)



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas IV atau V
Kategori KA01 , B01**

Tarikh Buka Tawaran pada:
29 April 2025 (Selasa)

**Lanjutan Tarikh Akhir
Mengambil Dokumen Tawaran:**
30 September 2025 (Selasa)

Lanjutan Tarikh Tutup Pada:
28 Oktober 2025 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL/ DB / 01 / 2025
Kerja-Kerja Pembaikan dan
Pengubahsuaian Tapak
Semaian Belimbing,
Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi.

No. Projek:
JASTRE / BL/ DB / 01 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND 500.00 (Tidak dikembalikan)



**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
04 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2025
Printer Leasing Term Contract
(On Demand) For Laser
Printers And Consumables,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 Petang



JABATAN PERDANA MENTERI

**Membersihkan Kawasan Luar
dan Dalam Unit Kenderaan,
Jabatan Perdana Menteri,
Kawasan Lapangan Terbang
Lama Berakas**

Tarikh Tutup:
Rabu, 27 Ogos 2025



**JABATAN
PERKHIDMATAN POS
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

1. Rujukan Tawaran:
POS / T / 19 / JPP /
2025 - 2026
Perkhidmatan Pemotongan Pokok
dan Pembersihan Kawasan Di
Pejabat Pos Salambigar dan
Pejabat Pos Telisai

2. Rujukan Tawaran:
POS / T / 20 / JPP /
2025 - 2026
Membekalkan, Memasang dan
Pengiklanan Media (Advertising
Banner) Di Pejabat Besar Pos,
Bandar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam

3. Rujukan Tawaran:
POS / T / 21 / JPP /
2025 - 2026
Kerja-Kerja Menaiktaraf dan
Pengubahsuaian Termasuk
Mereka Bentuk Perhiasan
Dalam Kaunter Cawangan dan
Galeri Setem (Pos BSB Kedai
Filatelik / Philatelic Shop) Pejabat
Besar Pos, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

4. Rujukan Tawaran:
POS / T / 22 / JPP / 2025 – 2026
Penyewaan Ruang Kaunter
Kosong Di Pejabat Pos
Bagi Menjalankan
Perkhidmatan Insurans
Di Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup:
Selasa,
19 Ogos 2025



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JPI / 04 / 2025

Tajuk:
To Conduct Feasibility Study
Assesment For Sustainable
Aquaculture At New Fish Cage
Culture Sites, Brunei Darussalam

Tarikh Tutu :
Selasa, 30 September 2025





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 /
T / TUT / 002
[JPPK / LTK / 11 / 2025]

**Planned Preventive
Maintenance for Janitorial,
Grass Cutting and Landscaping
at Tutong Camp**

Tarikh Mula Tawaran:
28 Julai 2025

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
S02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (8) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Jumaat,
15 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025
2.00 petang



**Rujukan Bilangan
dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025 /
T / TUT / 001
[JPPK / LTK / 10 / 2025]

Eight (8) Months Term Contract for
The Operational Maintenance and
Corrective Repair Works of RBAF
Facilities at Tutong Camp

Kelas:
III dan ke atas sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan (8) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):**
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)*

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Jumaat, 15 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 19 Ogos 2025
2.00 petang

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
29 Julai 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup:
12 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 024 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Untuk
Mengendalikan Dan Memelihara
Loji Kumbahan Kampung Pandan,
Kuala Belait Bagi Tempoh
24 Bulan

No. Projek:
2025ADKB/2106/002-003-008

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
III, IV & V

Kategori :
B01 & KA01 (Kod Baharu)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 12 Ogos 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 16 September 2025
Tidak lewat jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 22 / CQS / 2025-T /
IV

Nama Projek:
Pengubahsuaian Wad 10 & 11
Kepada Intensive Care Unit (ICU)
Wad Termasuk Pengubahsuaian
Antara Wad 10 & 11 Hospital Raja
Isteri Pengiran Anak Saleha
(RIPAS) – Design And Build

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV Sahaja

Kategori:
B01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
12 Ogos 2025 Selasa

Tarikh Tutup:
26 Ogos 2025 (Selasa)
Tidak lewat dari jam 2.00 petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 025 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih Dan Menaiktaraf
Gelanggang Tenis, KSNHB Dan
Kompleks Sukan Mumong
(Membaik Pulih Dan Menaiktaraf
Kompleks Sukan Mumong
– Fasa 1)

No. Projek:
KBS1206-002 / ADBT-01

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
JDBM / QSTOR / 008 / 2025
Membekalkan Perkakas
Kelengkapan Bagi Membina Dan
Memperbaiki Sangkar Kegunaan
Jabatan Daerah Brunei
Dan Muara
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
12 Ogos 2025
Jam 2.00 petang

KEMENTERIAN HAL
EHWA UGAMA

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
(11) KHEU.PDI (UPP) 900-002 /
(1) / 02 JILID 3
Mencetak Takwim Tahun Masihi
2026 Dan Diari Kementerian Hal
Ehwal Ugama 1447-1448H /
2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
26 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
03 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2025
Reka Bentuk Laman Web
Berorientasikan Rakyat
(Citizen-Centric) dan Prototaip
Portal Perkhidmatan Digital
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal
Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
44 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2025
Supply And Delivery Of Portable
Projectors For Teaching And
Learning In Religious Schools,
Department Of Islamic Studies

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
47 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Android
Tablets With Accessories For The
Blended Learning Project In
Schools Under Department Of
Islamic Studies,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 13 Ogos 2025
Jam 2.00 petang





Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 46 /
UP / 20

Tajuk Sebut Harga:
Two (2) Years Term Contract For
Facilities Maintenance Of Pasar
Pelbagai Barangan Gadong,
Admin Building PPBG, Surau
PPBG and Gadong Fish Market.

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025
Jam 2.00 petang

Keterangan Lanjut Boleh:
Seksyen Pemuliharaan Aset,
Bahagian Pengurusan
Pemuliharaan Estet
Di Bangunan Blok B1,
Jabatan Bandaran,
Bandar Seri Begawan, Tingkat 3
Flat Perumahan Kerajaan
Jalan Seri Beribi Gadong BE1118
Bandar Seri Begawan.



Bilangan Tawaran:
JMM / JKSH / Q&T / 2025 / 14

Tajuk Tawaran:
Tawaran Perkhidmatan Bagi
Mencetak, Membekal Dan
Menghantar Bahan-Bahan
Cetakan Bagi Persidangan Majlis
Mesyuarat Negara Bagi Tempoh
Selama Dua Belas (12) Tahun

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025

Yuran Tawaran:
Tidak dikenakan bayaran



Bilangan Tawaran:
JKP / LTK / 2025 – 2026 / 4

Tajuk Tawaran:
Consultancy & Certification
Services: Implementation of
GSTC Certification for Tourism
Destinations in Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
26 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



**1. Sebut Harga Membekal
Dan Menghantar Toner /
Cartridge Printer**

**DA / JKSH / 77 / 2025 / 2026
[UPP-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Menghantar Toner / Cartridge
Printer Bagi Kegunaan Di Bawah
Kawalan Jabatan Pentadbiran
Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 pagi)

**2. Sebut Harga Membekal
Dan Menghantar Kertas**

**DA / JKSH / 78 / 2025 / 2026
[UPP-OGOS-2025]**
Sebut Harga Bagi Membekal Dan
Menghantar Kertas Bagi
Kegunaan Unit Perbekalan Dan
Stor, Bahagian Perkhidmatan
Kewangan Dan Perbekalan,
Jabatan Pentadbiran Dan
Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 pagi)



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0017 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
To Supply, Provide And Conduct
Diving Training Course For The
Staffs Of Department Of Fisheries

Tarikh Tutup:
Khamis, 14 Ogos 2025



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
-

Kategori:
-

Tarikh Buka Tawaran pada:
Rabu 23 Julai 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis 4 September 2025

Tarikh Tutup Pada:
Selasa 28 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan Terbang
Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

**JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025
Melabur, Mereka Bentuk,
Membangun Dan Mengendalikan
Loji Waste To Energy Di Negara
Brunei Darussalam.**

No. Projek:
JASTRE / BKP / RFP / 01 / 2025

Yuran Tawaran:
BND5000.00 (Non Refundable)



**1. DA / JKSH / 79 / 2025 / 2026
[BPPA-OGOS-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Acara
Sambutan Hari Guru
Kali Ke-35, Tahun 2025
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam

Tempat:
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas (ICC)

Hari Raptai
Ahli Jawatankuasa Tertinggi
Dan Ketua-Ketua Jabatan:

**1. Raptai Pertama
2. Raptai Kedua
3. Raptai Penuh
Hidang (Buffet – Dome)**

Hari Kemuncak:
**1. VIP 1 – Hidang (Cocktail Style)
2. VIP 2 – Hidang (Buffet – Dome)**

**2. DA / JKSH / 80 / 2025 / 2026
[BPPA-OGOS-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Acara
Sambutan Hari Guru
Kali Ke-35, Tahun 2025
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam

Tempat:
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas (ICC)

**1. Penerima Anugerah dan
Pengiring – Hidang (Buffet)**

**3. DA / JKSH / 81 / 2025 / 2026
[BPPA-OGOS-2025]**
Sebut Harga Membekal Dan



Bilangan Sebut Harga:
2 / OGOS / 2025 / PSB / PD.575
Perkhidmatan Pemeliharaan,
Pemuliharaan Dan Pembersihan
Bangunan Pusat Sejarah Brunei
Serta Bangunan Pusat
Pengkajian Borneo Dan
Makam-Makam Sultan Brunei
Di Bawah Kawalan
Pusat Sejarah Brunei

Bilangan Sebut Harga:
3 / OGOS / 2025 / PSB / PD.575
Membekal, Menghantar Dan
Memasang Permaidani Di Galeri
Salasilah Dan Surau Pusat
Sejarah Brunei

Tarikh Tutup:
Khamis,
21 Ogos 2025
Jam 2.00 petang



Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak
Acara Sambutan Hari Guru
Kali Ke-35, Tahun 2025
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam

Tempat:
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas (ICC)

**1. Peserta Persembahan –
Penuntut (Hidang – Serving /
Cafeteria Style)
2. Pancaragam Pasukan Polis –
Hidang (Buffet)**

**4. DA / JKSH / 82 / 2025 / 2026
[BPPA-OGOS-2025]**

Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar Jamuan Bagi Raptai
1, 2, 3 Dan Hari Kemuncak Acara
Sambutan Hari Guru
Kali Ke-35, Tahun 2025
Kementerian Pendidikan,
Negara Brunei Darussalam

Tempat:
Pusat Persidangan Antarabangsa,
Berakas (ICC)

**1. Ahli Jawatankuasa Kerja
(Buffet / Tapau)**

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 16 Ogos 2025
(Jam 9.00 pagi)



Bilangan Tawaran:
16 / JULY / 2025 / KKBS /
SECURITY / OBBD

Tajuk Tawaran:
Membekalkan Perkhidmatan
Kawalan Keselamatan Bagi
Tempoh Dua Puluh Empat (24)
Bulan Untuk Bangunan Kompleks
Kem Latihan Outward Bound
Brunei Darussalam, Kampung
Batang Duri, Daerah Temburong,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
19 Ogos 2025
Jam 2.00 petang





**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**

KES NO. BCY/CP/229/2024

Baiduri Finance Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Manisah Binti Awg Haji Ghani
BYIC NO. 00-276561
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 1 Mac 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Manisah Binti Awg Haji Ghani
No. 2, Simpang 48-3,
Jalan 99, RPN Kampung Rimba,
Gadong, BE 3319.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen:
23 November 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 23 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/229/2024

Baiduri Finance Berhad
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Manisah Binti Awg Haji Ghani
BYIC NO. 00-276561
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 1 Mac 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 5 Julai 2025 jam 9.15 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi

penghutang adalah ditetapkan pada 5 Julai 2025 jam 9.15 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 23 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/139/2024

**Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Ghazali Bin Haji Mohd. Shafiee
BYIC NO. 00-256911
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Februari 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Ghazali Bin Haji Mohd. Shafiee
Lot 39145, Simpang 221,
Kampung Sengkurong B,
Brunei Darussalam BG 1351.

Tarikh Petisyen: 29 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 25 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/139/2024

**Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Ghazali Bin Haji Mohd. Shafiee
BYIC NO. 00-256911
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Februari 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 9 Julai 2025 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 9 Julai 2025 jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 25 Jun 2025

**Nur Sariy Syahmina
binti Jaffri**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/167/2021

**Perbadanan Tabung Amanah
Islam Brunei**
... Pemiutang / Pemetisyen

**Mohammad Noor Hilmi
bin Awg Ahmad**
[BYIC NO. 00-319567]
... Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 19 Jun 2025.

Nama dan alamat Bankrap:
Mohammad Noor Hilmi Bin Awg Ahmad
No. 10, Simpang 46-21-6,
STKRJ Kampung Lumapas.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
26 September 2024.

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 23 Jun 2025

Fatin Fikriyah binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/33/2025

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Khairul Amilin
bin Haji Mohd Arifin**
BYIC NO. 00-288151
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 Mei 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Khairul Amilin Bin Haji Mohd Arifin
No. 4, Simpang 178,

Jalan Paya Bunga Merah,
Kampung Pasai, Sengkurong,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 21 April 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 24 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/33/2025

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Khairul Amilin
bin Haji Mohd Arifin**
BYIC NO. 00-288151
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22hb Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-), Mahkamah Besar pada 20 Ogos 2025 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 20 Ogos 2025 jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 24 Jun 2025

**Muhammad Syafiq
bin Awang Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY/CP/188/2019

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Hjh Habibah
binti Abdul Rahman**
BYIC No. 00-121730
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 12 Mei 2025.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Hjh Habibah Binti Abdul Rahman
No. 3, Lot 10949,
Kg. Pintu Malim,
Jln, Kota Batu, BA2711,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 6 Julai 2019

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Tarikh: 21 Jun 2025

KES NO. BCY/CP/188/2019

**Bank Islam Brunei
Darussalam Berhad**
... Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

**Hjh Habibah
binti Abdul Rahman**
BYIC No. 00-121730
... Penghutang Penghakiman /
Penentang

**Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 12 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 13 Ogos 2025 jam 2.30 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 13 Ogos 2025 jam 2.30 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Tarikh: 21 Jun 2025

**Muhd Muzakkir
bin Haji Zakaria**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar



قيستا بوکو بروني ۲۰۲۵

Pesta Buku Brunei 2025

**Anjuran
Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**



28 Safar – 7 Rabiulawal 1447
22 – 31 Ogos 2025



Setiap Hari
8.30 pagi – 9.30 malam



**Pusat Persidangan
Antarabangsa, Berakas**

Hari Jumaat

8.30 pagi – 11.30 pagi
2.30 petang – 9.30 malam



+673 2382511



www.dbp.gov.bn



dbpbrunei
pbbrunei



dbpbrunei



Dewan Bahasa dan
Pustaka Brunei

IMBASAN MINGGUAN



ANTARA yang menyertai sesi memanaskan badan pada acara Walkathon Hari Keputeraan anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Kota Batu. - Foto : Azmah Haji Ahad.

SUASANA Pameran Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia yang dianjurkan oleh Perkhidmatan Obstetrik dan Ginekologi yang berlangsung di Lobi Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.



PERSEMBAHAN tarian semasa PENTARAMA anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SALAH satu persembahan semasa Majlis Penyampaian Hadiah Karnival Pendidikan Khas sempena 30 Tahun Penubuhan Jabatan Pendidikan Khas. - Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

ANTARA aksi pada Liga Belia Brunei Musim 2025 / 2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (U18). - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.



SEKITAR Kejohanan Pencak Silat Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Pusat Belia, Bandar Seri Begawan. - Foto : Azmah Haji Ahad.

BENGKEL BERI PENERANGAN MENYELURUH MENGENAI PCOS

Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan OVAchievers



KETUA Jabatan dan Konsultan, Obstetrik dan Ginekologi dari Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Dr. Lydia Suguna Chitra Karat semasa berucap (kiri). Sementara gambar kanan dan bawah kanan, sekitar bengkel tersebut.

pensyarah.

Bengkel tersebut menampilkan ceramah kesihatan oleh pakar perubatan jemputan, Ketua Jabatan dan Konsultan, Obstetrik dan Ginekologi dari Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC), Dr. Lydia Suguna Chitra Karat.

Beliau membentangkan penerangan menyeluruh mengenai definisi Polycystic Ovarian Syndrome (PCOS), ciri-ciri klinikal, kriteria diagnosis, rawatan yang tersedia, serta komplikasi jangka panjang termasuk kesan terhadap kesihatan mental seperti kemurungan.

Antara mesej utama yang ditekankan oleh Dr. Chitra ialah



PCOS bukanlah diagnosis berdasarkan imbasan semata-mata, malah ia adalah diagnosis pengecualian yang memerlukan penilaian perubatan yang tepat.

Beliau turut menasihatkan orang ramai tidak membuat diagnosis sendiri dan tidak hanya mendapatkan rawatan apabila ingin hamil.

"Diagnosis awal membawa kepada rawatan yang lebih berkesan. Jika lewat dikesan, ia akan menjadi lebih sukar untuk dirawat," jelas Dr. Chitra.

Setiap sesi dihadiri oleh 50 hingga 100 orang peserta dengan majoriti terdiri daripada wanita muda berumur antara 19 hingga 25 tahun iaitu golongan sasaran utama dalam usaha menyampaikan kesedaran tentang PCOS memandangkan keadaan ini banyak menjejaskan wanita pada peringkat umur reproduktif.

Menerusi bengkel pendidikan ini, kempen The OVAtruth: PCOS berhasrat untuk menyebarkan maklumat yang tepat, menghapuskan salah faham, dan menggalakkan sokongan perubatan awal dalam kalangan belia wanita.

Usaha ini diyakini dapat membantu lebih ramai wanita

muda untuk membuat keputusan yang lebih baik berkaitan kesihatan reproduktif mereka.

Kempen tersebut dikendalikan oleh Kumpulan OVAchievers iaitu sekumpulan pegawai kerajaan yang sedang mengikuti Program Eksekutif Muda Kohort Ke-10 anjuran Institut Perkhidmatan Awam dalam Modul

Community Outreach Project (COP) yang komited dalam memperkasa kesedaran kesihatan wanita dan menyediakan ruang perbincangan yang inklusif dan selamat di Negara Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut dan acara akan datang, ikuti @theovatruth.pcos di Instagram.



جابتن تناک
JABATAN TENAGA
JABATAN PERKHIDMATAN MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TIP PENJIMATAN TENAGA

ALAT PENDINGIN HAWA

-  Selaraskan suhu di antara paras 23°C hingga 25°C.
-  Bersihkan penapis udara dari semasa ke semasa.
-  Pastikan penyelenggaraan pendingin hawa dilakukan secara berkala.



24 murid berjaya tamatkan 30 Juzuk Al-Quran



PENOLONG Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dr. Sheikh Lukman bin Sheikh Abdul Hamid hadir selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran dan seterusnya menyampaikan sijil khatam kepada salah seorang penerima (atas dan kanan).

BERAKAS, Sabtu, 9 Ogos. - Seramai 24 orang murid Darjah VI Sesi Pagi Sekolah Agama Lambak Kanan diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Dewan Sekolah berkenaan, di Kampung Perpindahan Lambak Kanan. Majlis diadakan sebagai menghargai dan memberi pengiktirafan kepada murid-murid yang telah berusaha

dan berjaya menamatkan pembacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Tetamu khas pada majlis tersebut ialah Penolong Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, Dr. Sheikh Lukman bin Sheikh Abdul Hamid, yang turut memimpin bacaan Surah Al-Fatihah bagi memulakan majlis.

Seterusnya, bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam dan diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Muhammad Nasryn Raqilia bin Ahmad Nasri, disusuli dengan penyampaian sijil khatam kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Hayrol Irwandy@Abdul Mu'iz bin Haji Ahmad.

Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di sekolah-sekolah agama di negara ini merupakan

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam



usaha mendukung hasrat kerajaan untuk melahirkan generasi celik Al-Quran.

Selain untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai

amalan hidup beragama, majlis juga merupakan inisiatif Jabatan Pengajian Islam dalam memperkukuh syiar Islam di negara ini.



Pameran E2E serlah portfolio pelajar

Rencana dan Foto : Nurdiyanah Rajami

AKTIVITI kokurikulum atau Co-Curricular Activity (CCA) merupakan kegiatan-kegiatan yang dikendalikan di luar bilik darjah dan ia merupakan pelengkap kepada kurikulum formal dalam proses pendidikan untuk melahirkan golongan pelajar yang seimbang dari segi intelek, afektif dan psikomotor.

Oleh itu, dalam meniti proses pendidikan dua elemen ini iaitu kurikulum dan CCA semestinya menjadi tanggungjawab para pendidik untuk melahirkan anak-anak didik yang cergas, cerdas dan berkemahiran dengan sebaik-baiknya.

Sehubungan itu, ke arah usaha bagi mengetengahkan detik-detik pengalaman pembelajaran penuh bermakna kepada pelajar-pelajar di dalam dan luar bilik darjah, Sekolah Sukan telah mengadakan Program Cluster 3 SERIPLC : E2E Showcase Edisi Ke-3, Tahun 2025 yang berlangsung di Sekolah Sukan, Kampung Pulaie, baru-baru ini.

Matlamat E2E Showcase

Dalam menghuraikan lebih lanjut mengenai Program Cluster 3 SERIPLC : E2E Showcase Edisi Ke-3, Tahun 2025, Penyelaras Bersama E2E Showcase dan juga selaku Pegawai Pendidikan di Sekolah Sukan, Dayang Norshanita Erni binti Haji Tarip berkata E2E Showcase merujuk kepada Pameran Enrich to Empower. Ia merupakan inisiatif Sekolah Sukan sempena pelaksanaan Program Cluster 3 SERIPLC iaitu School Evaluation, Reflection and Improvement Professional Learning Circle yang mana setiap sekolah dalam kluster 3 melaksanakan program masing-masing.

Jelas beliau, E2E Showcase mempamerkan pengalaman pembelajaran bermakna para pelajar di dalam dan luar bilik darjah di mana pengalaman pembelajaran itu, membantu mereka membina kemahiran abad ke-21 termasuk kemahiran komunikasi, kolaborasi, kreativiti, pemikiran kritis dan pengurusan diri. Matlamat E2E Showcase tambahannya, antaranya bertujuan untuk membantu pelajar berkembang secara peribadi dan akademik sekali gus mempamerkan perjalanan pembelajaran mereka dengan yakin.

Dayang Norshanita Erni seterusnya menggunakan dalam E2E Showcase ini memperkasakan pendekatan Student-Led Conference (SLC) dan penggunaan Portfolio Pelajar. Para pelajar Sekolah Sukan yang terpilih dari Tahun 7 hingga Tahun 11 membentangkan dapatan dan refleksi mereka berdasarkan dua fokus

utama dari segi akademik iaitu pelaksanaan Intervensi Pengarah Sekolah dan Integrasi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) dalam sokongan pembelajaran; dan juga segi CCA iaitu pendekatan penilaian berstruktur CCA dan perkembangan pelajar menerusi kelab-kelab CCA.

"Portfolio Pelajar berfungsi sebagai dokumen bukti pembelajaran yang menyeluruh, merangkumi pencapaian, cabaran, serta perkembangan dari perspektif pelajar sendiri. Ia juga memaparkan proses refleksi sendiri pelajar terhadap usaha, kemajuan dan pengalaman mereka sepanjang tempoh intervensi dan penglibatan kokurikulum.

"Dengan kata lain, portfolio tersebut bukan sekadar fail tugas tetapi ia membantu pelajar dalam menghubungkan usaha mereka kepada keputusan, mempamerkan kemahiran yang telah dibina serta mengongsi bagaimana pengalaman itu telah membantu mereka mengembangkan keyakinan dan pemikiran," kongsi beliau.

Dayang Norshanita Erni juga menambah bahawa pendekatan berkenaan bukan sahaja membina keyakinan dan tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran mereka, tetapi juga memberi gambaran menyeluruh tentang impak program di peringkat sekolah.

"Adalah menjadi harapan kami agar pendekatan ini dapat memberi inspirasi kepada sekolah lain dalam memperkukuh amalan pendidikan berpusatkan pelajar," ujarnya.

Integrasi AI Pacu Kreativiti Pembelajaran

Dua orang pelajar Tahun 10.1 yang mewakili sesi Akademik SLC di bawah Jabatan Business, Art and Technology (BAT) Sekolah Sukan, Dayang Nur Varisha Arissa binti Muhammad Vassrullah Amir Zambiah@Petra dan Dayang Nur Amalina@Jasmine binti Abdullah telah mempamerkan portfolio mereka bertajuk 'The Use of AI in IGCSE ICT Lesson'.

Mereka mengongsi bahawa penggunaan AI dalam pendidikan melalui program seperti Canva AI dan Bolt.new mampu meningkatkan pendidikan untuk pelajar dan guru.

Canva AI ialah alat dalam Canva yang menggunakan AI untuk membantu mencipta reka bentuk dengan cepat. Ia termasuk ciri seperti 'Magic Design', 'Text to Image' dan 'Magic Write' untuk menghasilkan poster, visual dan teks berdasarkan input pengguna. Antara

projek yang mereka berjaya hasilkan menggunakan Canva AI ialah poster kesedaran tentang isu keselamatan data dalam kalangan pelajar dan guru berkaitan *smishing*, *vishing* dan *phishing*.

Manakala Bolt.new ialah penjana kuiz AI yang membantu pelajar dan guru membuat kuiz dengan mudah, pantas serta gaya tersendiri. Ia membolehkan pengguna menetapkan nombor soalan, had masa dan format. Setelah selesai, kuiz boleh dikongsi secara terbuka atau peribadi, menjadikannya begitu bermanfaat untuk kajian individu dan juga kerja berkumpulan.

Terokai Kaedah Bantu Tingkat Pemahaman

Sementara itu, menerusi sesi Akademik SLC di bawah Jabatan Pengetahuan Uagama Islam atau Islamic Religious Knowledge (IRK) telah diwakili oleh Dayang Nur Dania Afraa binti Zaini dan Dayang Siti Rafiqah binti Haji Raime selaku pelajar dari Tahun 10.2. Mereka antaranya mengongsi sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan keupayaan menghafal fakta dan menulis jawapan yang betul maka proses pembelajaran bersama guru mereka lebih menekankan pendekatan dua kaedah utama iaitu Kaedah PDE dan Kaedah Peer Teaching.

"Kaedah PDE merujuk kepada *point*, *describe* dan *explain* yang mana kaedah ini amat sesuai untuk menjawab soalan subjektif. Menerusi kaedah ini, kami diberikan latihan untuk mengenal pasti isi penting, menghuraikannya dan memberi penjelasan lanjut. Dalam pada itu, kami menggunakan peta minda dan rangka penulisan sebagai panduan untuk menyusun jawapan di bawah bimbingan guru kami," ujar mereka.

Dayang Nur Dania Afraa turut menambah melalui Kaedah PDE, mereka lebih mudah membina jawapan secara bersistematik dan menghasilkan ayat yang lengkap serta betul. Mereka juga mampu meningkatkan kemahiran menganalisis isi, menghubungkannya dalam bentuk ayat serta memberi penjelasan yang relevan dan logik.

Manakala menerusi Kaedah Peer Teaching, jelas Dayang Siti Rafiqah, ia merupakan aktiviti pengajaran rakan sebaya yang bertujuan untuk memperdalam pemahaman mengenai isi mata pelajaran IRK.

"Aktiviti ini melibatkan diskusi dan penerangan mengenai keseluruhan isi pelajaran sehingga kami dapat menguasai keseluruhan isi pelajaran dengan mudah," tambahnya.

CCA Membentuk Keperibadian Holistik

Kelab-kelab CCA bukan sahaja melengkapkan pembelajaran akademik tetapi juga membantu membentuk para pelajar yang berketerampilan, berdaya saing dan berintegriti tinggi. Oleh itu, pentingnya penglibatan aktif mereka dalam CCA untuk membina keperibadian holistik.

Turut berkongsi pengalaman menyertai Kelab Usahawan Sekolah Sukan, Dayang Nurhidayatul Syarah binti Haji Azwan Ashadi@Siti Kadiah dari Tahun 11.1 berkata penyertaan dalam kelab berkenaan sememangnya mengajar erti berikar dalam mencari sumber pendapatan menerusi aktiviti perniagaan meski pun secara kecil-kecilan dan berkala di samping memupuk semangat kerjasama bersama ahli-ahli yang lain dan juga mengembangkan kemahiran lebih-lebih dalam menghasilkan produk-produk jualan seperti makanan dan minuman serta seni kraf tangan.

Selaku Presiden Kelab Usahawan Sekolah Sukan, beliau turut mengongsi pada masa ini seramai 15 orang ahli secara keseluruhannya di bawah bimbingan empat orang guru.

"Dengan menceburi kelab ini, saya bersama rakan-rakan yang lain begitu teruja berniaga bersama lebih-lebih lagi apabila sambutan daripada golongan pembeli di sekolah ini amat menggalakkan. Segala kemahiran dan pengalaman yang kami peroleh ini juga akan kami jadikan bekalan persediaan pada masa akan datang," ujarnya dengan keceriaan.

Semasa berlangsungnya program berkenaan turut dimeriahkan dengan kehadiran wakil Pemangku Superintenden Kluster 3 iaitu Haji Muhammad Nikman bin Haji Muhammad Isa dan Dayang Hayati Udan; pengetua-pengetua dan guru kanan dari sekolah-sekolah kluster 3 serta guru-guru besar sekolah rendah tadahan Sekolah Sukan. Mereka yang dialu-alukan oleh Pengetua Sekolah Sukan, Awang Alexander bin Banding dan juga ahli jawatankuasa program turut berpeluang menghadiri acara sesi SLC di mana sesi Akademik SLC dijalankan di bilik perpustakaan dan CCA SLC serta bilik peperiksaan sekolah tersebut.

Oleh yang demikian, dengan pelaksanaan program sedemikian, ia sememangnya bermatlamat untuk meraih kecemerlangan dengan mengetengahkan pencapaian pelajar untuk meningkatkan motivasi, memperkasakan dan membina akauntabiliti dengan menggalakkan para pelajar untuk mengambil tanggungjawab bagi perjalanan pembelajaran mereka serta melibatkan pihak berkepentingan dengan melibatkan penyertaan ibu bapa, guru dan komuniti sekolah dalam pertumbuhan pelajar.



Oleh : Busyra Haji Abdul Hafeiz dengan kerjasama
Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai
Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

جابر بن حيان ، باف كيميا

منوليس كتاب السبعين ، كاريا فاليج مشهور بلياو يڭ مغاندوغي توجوه قولوه ارتيكل يڭ مرغكوم فنچاڤاين اومت اسلام دالم بيدغ كيميا قد زمانن.

كاريا لايين جابر ترماسوق كتاب الكيمياء ، كتاب الموازين ، كتاب الزئبق ، كتاب الخواص ، كتاب الحدود ، كتاب كشف الأسرار ، كتاب خواص أكسير الذهب ، كتاب السموم ، كتاب الحديد دان لايين ٢. سبهاڭين بوكو جابر تله دترجمهكن كدالم بهاس لاتين قد اول ابد ك-١٢ دان اد يڭ دترجمهكن درقد لاتين كهاس ايشغريس قد تاهون ١٦٧٨م. بوكو ٢ بلياو تروس دروجوع دايرهه سلاما برباد-ابد دان مهبري قغارهه بسر كقد فركمبغن كيميا مودن.

سأورغ اوريئنتاليس جرمان ، مكس ميرهوف ، بركات بهاوا فركمبغن كيميا دايرهه بوليه دكسن سچارا لغسوغ درقد جابر ابن حيان. بوقتي فاليج جلس اياه بايق اصطلاح يڭ دچيقتا اوليهن ماسيه دگونان دالم فلباڭاي بهاس ايروهه سهيڭ كيني. معلومت ريغكس مغناي جابر بوليه دفراوليهي دبالاي خزانه اسلام سلطان حاج حسن البقيه خصوص دڭالري ليم واريثن

ألومينيوم) مڭونان اسيد ، ساتو قاعده يڭ ماسيه دگونان هيڭك كيني. بلياو جوڭ مڭحاصيلكن سالوتن اونتوق مليندوغي بسي درقد كارات ، مهبوات كرتس كاليس افي ، مڭونان ماغن ديوكسيدي اونتوق مهبوات كاج ، منچلوف كوليت دان رمبوت سرتا مڭونان تاوس اونتوق منتفكن ورن.

سلاين ايت ، جابر منموي سودا كاوستيك (NaOH) ، اسيد نيتريك دان اسيد هيدروكلوريك. جابر جوڭ اورغ يڭ مڭركنلكن چارا مميسهكن امس درقد فيرق ملالوي فلاروتن. بلياو جوڭ منمبه دوا عنصر بهارو (بليرغ دان رقسا) كقد تيوري امقت عنصر يوناني. جابر تورت مڭربايعي قاعده فيجتن ، فنايسن ، فلورن ، فقهبلورن دان فيوليغن.

منوروت بيراف سومبر ، جابر منوليس سكيتر ٥٠٠ بواه كتاب ، نامون كبايقنن تله هيلغ. انتارا كتاب يڭ مڭهورايكن قاعده ٢ اينوؤاتيف بلياو دالم فيديان باهن ٢ ترسبوت اياه أسرار الكيمياء دان أصول الكيمياء. بلياو جوڭ

خالد ابن يزيد ابن معاوية ، يڭ ماهير دالم علمو كيميا. جابر چمرلغ دالم بيدغ اين دان منجادي اهلي كيميا ايستان سماس فمرينتاهن خليفة هارون الرشيد ، سرتا برخدمت سباڭاي طبيب كقد قارا وزير برامكة. جابر وفاة قد اوسيا ٩٤ تاهون قد ٨١٥م دكوفة.

كومونچولن دان فركمبغن علمو كيميا دالم تمدون اسلام ساغت بركايت دغن جابر. بلياو مڭكاجي بايق بوكو يڭ تله دقلاجري دايرهه سلاما راتوسن تاهون. دسببكن فنچاڤاين بسرث ، بلياو دڭلر سباڭاي باف علمو كيميا دان علمو كيميا سنديري قرنه دسبوت سباڭاي سني جابر (Jabir's Craft).

انتارا قنموان جابر ترماسوقله الكالي دان اسيد سولفوريك. بلياو جوڭ برجاي مڭحاصيلكن باهن ٢ بهارو يڭ بلوم قرنه دبوات سلوم ايت ، سقرتي ميوليغ جوڭ اونتوق مڭحاصيلكن اسيد استيك فكت ، منموي اسيد نيتريك دان ميدياكن باهن يڭ دقڭيل نيترو هيدروكلوريدا (الكالي

نام قنوه بلياو اياه ابو موسى جابر بن حيان البرقي الأزدي. تركنل دغن ڭلرن ٢ لايين سقرتي الأستاذ الكبير (كورو اڭوغ) ، شيخ اهلي كيميا مسلم ، باف كيميا دان Geber ددنيا بارت. بلياو لاهير قد ٧٢١م دتوس ، ولايه خراسان دايران. بلياو مروفاكن انق كقد حيان الأزدي ، سأورغ اهلي فرماسي درقد قبيلة أزد ديمن يڭ منتف دكوفة ، العراق سماس فمرينتاهن بني أمية.

جابر ساغت ممنتيفكن علمو فغتهاوان. بلياو تله مڭلاجري فلباڭاي بيدغ علمو سهيڭك دسبوت سباڭاي اهلي استرونومي ، كيولوجي ، فلسفة ، فيزيك ، فرماسي دان جوڭ اهلي كدوقتون. مڭيكوت ججق لڭكه ايه بلياو ، جابر جوڭ مروفاكن سأورغ توكوه مشهور دالم بيدغ كيميا. بلياو تله مڭاساكن قاعده فيليديقن بهارو يڭ ليه مودن دالم بيدغ كيميا. معمل بلياو ماله منجادي تركنل سلاما بيراف ابد.

دكوفة ، جابر بلاجر دغن جعفر الصادق دان مڭكاجي كاريا ٢ قوترا أمية ،



UAE LAKSANA OPERASI GUGUR BANTUAN KE SEMENANJUNG GAZA

GAZA, 10 Ogos. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) pada Sabtu melaksanakan penghantaran bantuan kemanusiaan melalui guguran udara ke Gaza sebagai sebahagian daripada inisiatif "Birds of Goodness" di bawah Operasi "Chivalrous Knight 3", lapor Agensi Berita Emirates (WAM).

Misi guguran udara itu dilaksanakan dengan kerjasama Jordan, serta penyertaan Jerman, Itali, Belanda dan Greece.

Bantuan yang digugurkan termasuk bekalan makanan asas untuk penduduk Semenanjung Gaza, dengan penyertaan dan sokongan beberapa institusi dan

pertubuhan kebajikan di UAE. Langkah itu mengukuhkan komitmen UAE untuk menyokong rakyat Palestin dan meringankan penderitaan mereka di tengah-tengah keadaan kemanusiaan yang sukar.

Dengan operasi terbaharu itu, jumlah keseluruhan bantuan yang digugurkan melalui udara

telah melepasi 3,892 tan, sekali gus menekankan komitmen teguh UAE untuk terus bersama rakyat Palestin dan menyokong usaha kemanusiaan antarabangsa yang lebih luas.

Usaha itu mencerminkan peranan kepimpinan UAE dalam menyelaraskan dan melaksanakan operasi bantuan antarabangsa,

serta mengesahkan komitmennya yang tidak berbelah bahagi terhadap kerja kemanusiaan, dengan memanfaatkan sumber dan keupayaan demi menjayakan misi kemanusiaan serta meningkatkan solidariti global dalam menghadapi krisis. - ©BERNAMA

2 maut dalam nahas pesawat ringan di Sepanyol

MADRID, 10 Ogos. - Dua orang maut pada Sabtu apabila sebuah pesawat ringan terhempas di wilayah Valencia, Sepanyol, menurut kerajaan wilayah itu, lapor Xinhua.

Kemalangan berlaku berhampiran bandar Requena

sekitar 11.25 pagi, apabila pesawat itu menjunam secara mendadak sejurus berlepas dan terhempas di kawasan padang berhampiran, mengorbankan kedua-dua penumpangnya serta-merta di lokasi kejadian.

Pesawat berkenaan musnah sepenuhnya akibat terbakar dan punca nahas masih dalam siasatan. Keadaan cuaca ketika kejadian dilaporkan baik. Kedua-dua mangsa adalah lelaki dari bandar Valencia yang berhampiran. - ©BERNAMA

11 maut, 46 cedera dalam kemalangan bas dan trak di Brazil

SAO PAULO, 10 Ogos. - Sekurang-kurangnya 11 orang maut dan 46 lagi cedera apabila sebuah bas berlanggar dengan sebuah trak pada lewat Jumaat di lebuh raya di negeri Mato Grosso, wilayah tengah-barat Brazil, menurut polis lebuh raya persekutuan Brazil pada Sabtu, lapor Xinhua.

Menurut agensi berita kerajaan Agencia Brasil, daripada jumlah mangsa yang cedera, lapan mengalami kecederaan ringan, 26 cedera sederhana manakala 12 lagi, termasuk pemandu trak cedera parah.

Kemalangan itu berlaku berhampiran bandar Lucas do Rio Verde, kira-kira 360 km dari Cuiaba, ibu negeri berkenaan. Bas itu dalam perjalanan dari Cuiaba ke Sinop, sebuah hab utama bagi industri perniagaan tani Brazil. Polis sedang menyiasat punca kemalangan itu. - ©BERNAMA

Jet pejuang Britain buat pendaratan cemas di Lapangan Terbang Kagoshima

KAGOSHIMA (Jepun), 10 Ogos. - Sebuah jet pejuang Stealth F-35 milik Britain melakukan pendaratan cemas pada Ahad di Lapangan Terbang Kagoshima di barat daya Jepun akibat kerosakan, lapor Agensi Berita Kyodo, memetik pegawai

lapangan terbang.

Beberapa penerbangan komersial melibatkan ketibaan dan pelepasan di lapangan terbang itu terjejas apabila landasan ditutup selama kira-kira 20 minit berikutan insiden itu yang berlaku sekitar 11.30 pagi, kata pegawai. Tiada

kecederaan dilaporkan.

Tentera Britain sedang mengadakan latihan bersama dengan Pasukan Pertahanan Diri Maritim Jepun dan tentera Amerika Syarikat dari 4 Ogos hingga Selasa depan. - ©BERNAMA

Angka kematian Mpox di Afrika melebihi 1,900 sejak 2024 - Africa CDC

ADDIS ABABA, 9 Ogos. - Angka kematian akibat wabak Mpox yang sedang melanda Afrika telah melebihi 1,900 sejak awal 2024, menurut Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Afrika (Africa CDC) pada Khamis, lapor Xinhua.

Dalam taklimat media dalam talian, Ketua Staf dan Ketua Pejabat Eksekutif Africa CDC, Ngashi Ngongo, berkata sebanyak 27 negara Afrika yang terjejas oleh Mpox melaporkan 174,597 kes dengan 1,922 kematian sejak awal tahun lalu.

"Apabila kita membandingkan data tahun lalu dan tahun ini, kita merekodkan 94,300 kes, iaitu 117 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan tahun lalu.

Bagi kes yang disahkan, kita mempunyai 29,084 kes (tahun ini) berbanding 19,713 kes (tahun lalu)," katanya.

Bagaimanapun, beliau memaklumkan benua itu mencatat penurunan berterusan dalam kedua-dua kes disahkan dan disyaki dalam beberapa minggu kebelakangan ini.

Peningkatan liputan ujian turut dianggap perkembangan positif dalam usaha memerangi penyakit itu. - ©BERNAMA

Gunung berapi Shinmoedake di Jepun meletus

TOKYO, 10 Ogos. - Letusan kuat Gunung Berapi Shinmoedake di banjaran Gunung Kirishima berlaku sekitar 5.23 pagi waktu tempatan pada Ahad, menghamburkan kepulan abu lebih 3,000 meter ke udara dari kawahnya, menurut media tempatan, lapor Xinhua.

Gunung berapi itu, yang terletak di sempadan antara wilayah Kagoshima dan Miyazaki, telah meletus secara berselang-seli

sejak 27 Jun. Abu daripada letusan pada Ahad itu dilaporkan bergerak ke timur laut dan dijangka sampai sejauh Takenabe di Wilayah Miyazaki, menurut stesen penyiar kebangsaan NHK.

Agensi Meteorologi Jepun (JMA) memberi amaran bahawa hujan abu sederhana dijangka berlaku di Kobayashi dan Takaharu di Wilayah Miyazaki, serta Kirishima di Wilayah Kagoshima.

Menurut JMA, batuan gunung berapi bersaiz kecil mungkin jatuh dalam lingkungan kira-kira 14 kilometer ke timur laut dari kawah.

Agensi itu mengekalkan amaran letusan pada tahap tiga, menasihati penduduk supaya berwaspada terhadap batuan gunung berapi bersaiz besar dalam lingkungan tiga kilometer dari kawah dan aliran piroklastik dalam jarak dua kilometer. - ©BERNAMA

Kotak hitam helikopter Ghana yang terhempas ditemukan

ACCRA, 9 Ogos. - Menteri Wilayah Ashanti Ghana, Frank Amoakohene, mendedahkan bahawa kotak hitam helikopter tentera yang terhempas dan mengorbankan kesemua lapan orang di dalamnya pada Rabu, telah ditemukan, lapor Xinhua.

Dalam hantaran di laman media sosial rasminya pada Khamis, Amoakohene berkata peranti itu akan membantu pihak berkuasa menjalankan siasatan punca tragedi berkenaan.

Menteri wilayah itu mengetuai misi mencari dan menyelamatkan selepas kejadian pada Rabu, memastikan semua mayat mangsa dibawa ke ibu negara Ghana, Accra.

Sementara itu, kerajaan Ghana mengadakan upacara meletakkan bunga pada lewat Khamis bagi memperingati mangsa.

Helikopter tentera itu terhempas pada pagi Rabu, mengorbankan semua lapan penumpang termasuk Menteri Pertahanan, Edward Kofi Omane Boamah dan Menteri Alam Sekitar, Sains, Teknologi dan Inovasi, Ibrahim Murtala Muhammed. - ©BERNAMA

Kebakaran hutan besar merebak di tenggara Athens

ATHENS, 9 Ogos. - Kebakaran hutan besar tercetus di tenggara Athens dan kini merebak tanpa kawalan, diburukkan lagi oleh angin kencang, menurut perkhidmatan bomba tempatan pada Jumaat, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Penduduk di beberapa kampung telah dipindahkan sebagai langkah berjaga-jaga, manakala pihak berkuasa perlindungan awam mengisytiharkan tahap bahaya kebakaran tertinggi di kebanyakan kawasan Aegean.

Kebakaran yang tercetus pada

petang Jumaat atas sebab yang masih belum diketahui itu terletak kira-kira 35 kilometer di tenggara ibu negara Greece.

Pihak berkuasa berkata tiga pesawat pengebom air dan lima helikopter sedang memadamkan api dari udara, manakala anggota bomba dari kawasan lain dikerah untuk membantu pasukan tempatan.

Sokongan tambahan sedang dalam perjalanan, lapor penyiar negara ERT. Kemudahan pelancongan di kawasan berkenaan ketika ini tidak berisiko,

menurut wartawan di lokasi kejadian.

Perkhidmatan meteorologi Athens telah memberi amaran mengenai angin kencang di seluruh Aegean. Ramalan cuaca menjangkakan angin kuat akan terus menyukarkan usaha memadamkan kebakaran dalam beberapa hari akan datang.

Pakar meteorologi turut memberi amaran bahawa berikutan kemarau berterusan, percikan kecil api sekalipun boleh mencetuskan kebakaran besar dalam masa beberapa minit. - ©BERNAMA

DPMM FC RAIH MATA BERHARGA DI GELANGGANG LAWAN

Oleh : Ak. Mohd Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Ak. Mohd Zaki Pg. Haji Kasharan, Tangkap Layar RTBGo



SELANGOR, MALAYSIA, Sabtu, 9 Ogos. - DPMM FC mempamerkan permainan penuh tenaga setelah berjaya membawa pulang satu mata berharga pada perlawanan pertama Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 malam tadi menentang Polis Diraja Malaysia (PDRM) FC di Stadium Majlis Perbandaran Selayang, Selangor, Malaysia.

Gol sulung DPMM FC dijaringkan oleh penyerang DPMM FC, Ramadhan Sananta seawal minit ke-3 perlawanan.

Selang tiga minit berlalu, Ramadhan Sananta sekali lagi melakukan gerakan licik dan berjaya membuka ruang buat rakan sepasukannya, Miguel Oliveira untuk menjaringkan gol kedua buat DPMM FC sekali gus mengejutkan pasukan tuan rumah kendalian Eddy Gapil yang ketinggalan 0-2 ketika perlawanan baru berjalan selama enam minit.

Setelah gol kedua berkenaan,



kedua-dua pasukan bermain lebih berhati-hati dengan turut melakukan serangan balas antara satu sama yang lain sehingga perebutan bola antara Park Tae-su dan penjaga gawang DPMM FC, Kristijan Naumovski memberikan kelebihan kepada PDRM FC yang dihadihkan sepakan penalti pada minit ke-24 perlawanan.

Walau bagaimanapun, sepakan penalti yang dilakukan oleh Ahmad Israiwha berjaya dihalang dengan cemerlang penjaga gawang DPMM FC.

Penyerang import DPMM FC dari Republik Indonesia, Ramadhan Sananta sekali lagi hampir menjaringkan gol ketiga buat pasukannya pada minit ke-38 perlawanan namun rembatannya yang berjaya melepasi penjaga gawang PDRM FC itu sedikit terpeleket terkena palang.

Meskipun pasukan tuan rumah berjaya menguasai permainan dengan baik namun mereka gagal

AKSI perlawanan di antara DPMM FC menentang Polis Diraja Malaysia (PDRM) FC pada perlawanan pertama Kejohanan Liga Super Malaysia Musim 2025/2026 (kiri dan bawah kiri).

membuat penyudah dengan baik yang amat mengecewakan para penyokong yang hadir di Stadium Majlis Perbandaran Selayang.

Dalam babak kedua perlawanan, Park Tae-su, iaitu pemain import PDRM FC berjaya membolosi gawang DPMM FC dengan tandukan bertenaganya pada minit ke-68 menjadikan kedudukan gol 1 - 2 PDRM FC dan DPMM FC.

Selang tiga minit dari jaringan berkenaan, Park Tae-su sekali lagi berjaya menjaringkan gol penyamaan menjadi kedudukan 2-2 apabila dia berjaya mengambil kesempatan atas kekeliruan pemain DPMM FC pada minit ke-72 perlawanan.

Meskipun momentum permainan menyebelahi PDRM FC, DPMM FC turut mencuba melakukan beberapa serangan balas dengan meledakkan sepakan berbahaya ke penjuru pihak lawan.

Kedua-dua pasukan akhirnya berpuas hati dengan masing-masing membawa pulang satu mata berharga hasil daripada keputusan 2-2 setelah pengadil perlawanan meniupkan wisel penamat.

Bagi musim 2025/2026, sebanyak 13 buah pasukan berentap dalam Kejohanan Liga Super Malaysia, yang berlangsung dalam dua pusingan.

Selepas bertemu PDRM FC, DPMM FC akan berdepan dengan Selangor FC (SFC) pada Selasa depan.

Negara Brunei Darussalam yang beraksi dalam saingan Liga Singapura musim lalu membuat keputusan untuk kembali dalam kancah Liga Malaysia buat kali pertama dalam tempoh 17 tahun.

Memupuk semangat kekeluargaan, kerjasama komuniti sekolah



ANTARA yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Keluarga TASKA bagi Tahun 2025 (atas dan bawah).

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Lebih 500 murid dari Taman Asuhan Kanak-kanak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (TASKA YSHHB) bersama ibu bapa dan penjaga menghadiri Majlis Sambutan Hari Keluarga TASKA bagi Tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya melancarkan Sambutan Hari Keluarga berkenaan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad, yang juga selaku Penolong Pengarah Urusan (Bahagian Korporat), YSHHB.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Guru Ugama Latihan Mengajar dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Mohammad Syafiq bin Mohammad Suhardie, diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' serta Lagu Sekolah 'Long Live SYSHHB'.

Acara antara lain bertujuan untuk menyokong Sambutan Hari Keluarga Negara Brunei Darussalam yang diadakan setiap tahun di samping mengeratkan silaturahim dan hubungan antara warga TASKA YSHHB, ibu bapa dan penjaga serta murid-murid.

Acara Sambutan Hari Keluarga TASKA dimeriahkan lagi dengan sesi senamrobik beramai-ramai, diikuti dengan walkaton mengelilingi kawasan sekolah.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat majlis kepada para pemenang Pertandingan 'Recycled Costume' bagi dua kategori, iaitu Kategori Ibu Bapa dan Kategori Murid TASKA.

Majlis seumpama berkenaan bukan sahaja memberi peluang kepada warga TASKA untuk berinteraksi dan beramah-mesra, malah turut menjadi platform untuk memupuk semangat kekeluargaan dan kerjasama dalam kalangan komuniti sekolah.



Memperkukuh hubungan strategik, memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa

Siaran Akhbar dan Foto :
Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Majlis Paralimpik Negara Brunei Darussalam (MPNBD) telah menerima jemputan rasmi untuk menyertai Persidangan Asian Paralympic Committee (APC) dan APC General Assembly 2025 di Kazakhstan.

Presiden MPNBD, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor berkata, penyertaan berkenaan merupakan satu peluang penting untuk memperkukuh hubungan

strategik serta memperluaskan jaringan kerjasama antarabangsa untuk MPNBD.

"Saya yakin dengan penyertaan ke persidangan ini, kita akan memperoleh manfaat yang sangat besar bagi memajukan Majlis Paralimpik di negara ini," jelasnya sejurus sebelum berlepas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, petang tadi.

Persidangan berkenaan merupakan anjuran Asian Paralympic Committee yang akan

MAJLIS Paralimpik Negara Brunei Darussalam (MPNBD) menerima jemputan rasmi menyertai Persidangan Asian Paralympic Committee (APC) dan APC General Assembly 2025.

berlangsung pada 11 hingga 15 Ogos 2025 ini.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar ialah Naib Presiden MPNBD, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang; dan Setiausaha Agung MPNBD, Awang Md. Zain bin Haji Muhammad.





LUMUT LUNTING JUARAI SUKAN RUMAH-RUMAH SM SMJA



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat hadir pada Kejohanan Sukan Antara Rumah-rumah Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 9 Ogos. - Kejohanan Sukan Antara Rumah-rumah Sekolah Menengah Sultan

Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) melabuh tirainya dengan menyaksikan pasukan rumah merah yang dinamakan Lumut

Lunting mampu mengekalkan kejuaraannya dari musim lalu, iaitu kali ke-34 dan kali ke-35 ini jaguh berada di atas mengatasi tiga rumah lain.

Bukan itu sahaja, Lumut Lunting juga dinobatkan sebagai

pemenang pertama dalam Pertandingan March Pass dan persembahan rumah-rumah pada kejohanan yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Hadir merasmikan kejohanan sukan dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat.

Adapun kejohanan berkenaan diadakan selama lima hari yang bermula pada 28 Julai yang lalu dengan pelbagai jenis acara dipertandingkan antaranya Larian 100 meter (m), 200m, 400m, 800m dan 1500m. Di samping itu, pertandingan sukan lainnya seperti lompat jauh, buang peluru, lontar lembing dan lempar cakera juga diadakan.

Pada hari terakhir ini juga diadakan beberapa kategori iaitu 100m Lelaki 'C' Berkeperluan Khas (BK), 100m Perempuan BK, 4x100m Lelaki 'C' dan Perempuan

'C', 4x100m Lelaki 'B' dan Perempuan 'B', 4x100m Mix Relay dan juga 4x100m sekolah jemputan.

Acara diserikan dengan bacaan ikrar yang dipimpin oleh Awang Md. Nazul Putera Fariz Firdaus bin Fakri Zul Khairi yang merupakan penuntut Tahun 11 gp1.

Selain itu, kejohanan berkenaan juga dimeriahkan lagi dengan Kelab CCA and Groove, SM SMJA.

Sementara itu, rumah-rumah yang mengikuti acara kejohanan sukan berkenaan ialah Rumah Berambang (Hijau), Rumah Jong Batu (Biru), Rumah Pulau Cermin (Kuning) dan Rumah Lumut Lunting (Merah).

Dengan adanya kejohanan sukan seumpama berkenaan diharap akan dapat mendidik para pelajar untuk mengekalkan aktiviti bersenam selain untuk membudayakan agar sentiasa bergerak aktif demi kesihatan fizikal dan juga mental.

PKT FT lebur rekod bersih Miri FA



Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League

TUTONG, Ahad, 10 Ogos. - PKT FT berjaya meleburkan rekod tanpa kalah Miri FA sekalipun hanya menang tipis 2 - 1 pada perlawanan penuh aksi Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 di Kompleks

Sukan Tutong.

PKT FT berjaya merobek gawang Miri FA pada minit akhir babak pertama menerusi Danish Aqasya Khoo Muhammad Syazwan selepas bijak membuat rembatan susulan daripada sepakan percuma.

Babak kedua semakin menarik dengan kedua-dua pasukan merubah rentak permainan namun PKT FT lebih cemerlang untuk terus memperoleh kelebihan jaringan menerusi Atupele Naimu Imurani Shareef pada minit ke-59.

Miri FA yang berusaha bangkit akhirnya berjaya memperoleh

jaringan sulung menerusi Ahnaf Danish Farihin Ahmad apabila dihadiahkan sepakan penalti pada minit ke-88 dan kedudukan 2 - 1 kekal hingga pada minit akhir perlawanan.

Dalam pada itu, Ketua Jurulatih PKT FT, Sapol Rizal menjelaskan pemain-pemain telah berjaya menunaikan janji

SEBAHAGIAN aksi perlawanan di antara PKT FT menentang Miri FA pada perlawanan Kejohanan Liga Bola Sepak Jemputan merebut Piala Lela Cheteria 2025 di Kompleks Sukan Tutong (kiri sekali dan kiri).

untuk menggenggam mata penuh.

"Sekalipun Miri FA lebih banyak mengawal perlawanan namun kegigihan pemain-pemain kami berjaya mengekang ancaman lawan sebelum mencipta dua jaringan sangat berharga," ujarinya.

Beliau mezhahirkan rasa gembira kombinasi pemain-pemain dalam semua jentera menyumbang kemantapan pasukan sekalipun masih terdapat beberapa kesilapan yang memberi peluang kepada pasukan lawan melakukan serangan.

Sementara itu, pada perlawanan di Kompleks Sukan Arena Seria, Limbang FA membelasah Shada FT dengan kedudukan 8 - 1.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DEKATKAN DIRI KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA DENGAN MEMPERTINGKATKAN AMALAN KEROHANIAN, BERISTIGHFAR